

## BAB II

### HAJI DAN SEJARAH PERLAKSANAANNYA DI INDONESIA

#### 2.1 PENDAHULUAN

Haji dalam struktur syariat Islam termasuk sebahagian daripada ibadat haji.<sup>1</sup> Sebagaimana ibadat yang lain, amalan haji melalui suatu proses yang dimulai dengan pengetahuan mengenai haji, pelaksanaan haji dan berakhir pada berfungsinya haji. Sama ada untuk diri sendiri mahupun masyarakat. Ketiga-tiga proses pengamalan haji tersebut merupakan suatu kesatuan yang utuh. Pengetahuan mengenai haji diperlukan sebagai panduan bagi pelaksanaan ibadat haji itu sendiri. Sahnya pelaksanaan haji sangat bergantung kepada penerapan ketentuan-ketentuan formal tentang haji yang telah diketahui. Nilai haji, atau yang biasa disebut sebagai haji mabrur (*hajjan mabrūran*),<sup>2</sup> tidak bergantung kepada sahnya pelaksanaan ibadat haji semata-mata, tetapi bergantung kepada fungsi ibadat haji itu bagi pembentukan integriti peribadi pelaku haji dan bagi masyarakat di mana ia berada. Rekonstruksi aspek-aspek dalam proses haji telah dikaji dan dirumuskan oleh para *fuqahā* melalui pendekatan teologi.

Perlaksanaan ibadat haji, terutamanya oleh muslim Indonesia ternyata memerlukan suatu proses tersendiri, iaitu persiapan di tanah air, pelayaran/penerbangan ke Hijaz,

---

<sup>1</sup> Maḥmūd Shaltūt dalam bukunya "*Islām: 'Aqīdah wa Shari'ah*," membahagikan Islam kepada dua bahagian, iaitu; (1) aqidah, iaitu doktrin yang berkaitan dengan keimanan atau keyakinan dan (2) syariah, iaitu doktrin yang berkaitan dengan amal atau perbuatan manusia dan hukum dari perbuatan itu. Ibadat sebagai sebahagian dari doktrin Islam yang berkaitan dengan penyembahan kepada Allah SWT, adalah sebahagian daripada syariah. (Lihat: Al-Shaltūt, Maḥmūd, *Islām: 'Aqīdah wa Shari'ah* (t.tp.: Dār al-Qalam, 1966), 21.

<sup>2</sup> Maksudnya ibadat haji yang diterima oleh Allah dan menjadi harapan bagi setiap orang yang melaksanakan haji.

perlaksanaan haji dan pelbagai kegiatan di Hijaz, serta kembali semula ke tanah air. Proses ini disebut perjalanan haji. Perjalanan haji mempunyai implikasi yang lebih luas dan mendalam terhadap masyarakat berbanding dengan perlaksanaan ibadat yang lain.<sup>3</sup> Perjalanan haji yang dilakukan oleh pelbagai suku yang mendiami kepulauan Nusantara telah berlangsung semenjak abad ke-XVIM. Kunjungan ke tanah suci untuk melaksanakan ibadat haji itu berlangsung setiap tahun dengan pertambahan jumlah jemaah yang berterusan.<sup>4</sup>

Perbahasan ini bertujuan untuk menyusun semula pengalaman masyarakat muslim Indonesia yang telah mengerjakan haji pada awal abad XX, tepatnya antara tahun 1900-1940. Penetapan kurun tersebut bukan tanpa dasar dan perjanjian. Ini kerana, tempoh masa ini memiliki erti yang penting bagi perkembangan masyarakat Indonesia. Pada kurun waktu tersebut, telah terjadi beberapa perubahan mendasar, baik dalam bidang politik, ekonomi, budaya, mahupun kehidupan keagamaan.<sup>5</sup>

Haji yang dijadikan objek dalam perbahasan ini berkaitan individu yang merangkumi konsep calon haji, jemaah haji serta aspek aktiviti dengan konsep perjalanan haji dan perlaksanaan ibadat haji.<sup>6</sup> Calon haji adalah orang yang telah berniat untuk melaksanakan ibadat haji dan sedang membuat persiapan untuk perjalanan haji. Sedangkan jemaah haji adalah orang yang sedang melaksanakan perjalanan haji. Adapun orang haji (atau yang sering disebut haji) adalah orang yang telah melaksanakan ibadat haji. Perjalanan haji adalah suatu proses yang dilalui oleh calon haji dan jemaah haji, yang

---

<sup>3</sup> Maksud pengkaji di sini adalah ibadat solat, zakat dan puasa.

<sup>4</sup> M. Shaleh Putuhena, *Historiografi Haji Indonesia* (cet. ke-1, Yogyakarta: LKiS, 2007), 2.

<sup>5</sup> M. Shaleh Putuhena, *Historiografi Haji Indonesia*, 2-3.

<sup>6</sup> Suatu objek dalam kajian sejarah dan sekurang-kurangnya meliputi empat aspek: individu, geografi/tempat, kronologi/waktu dan aktiviti.

dimulai dengan persiapan dan diakhiri dengan kembali ke tanah air. Sementara itu, pelaksanaan haji difahami sebagai proses mengerjakan manasik haji yang dimulai dengan niat dan memakai *ih̄rām* dari *mīqāt makānī*.<sup>7</sup>

## 2.2 HAJI DAN DASAR PERLAKSANAANNYA DALAM ISLAM

Secara asal kata haji adalah berasal dari bahasa Arab, yaitu “*hajja-yahujju-hajjan*” yang berarti berziarah, mengunjungi, menyenghaja.<sup>8</sup>

Ibn Taymiyyah dalam kitab “*Fiqh al-Ḥajj*” menyebutkan pengertian haji dari segi bahasa, yaitu *al-qasḍ* artinya berhajat atau berkehendak. Manakala pengertian menurut syarak ialah berhajat mengunjungi *Bayt Allāh al-Harām* untuk mengerjakan ibadat sebagai kewajiban terhadap perintah Allah.<sup>9</sup>

Al-Sharbinī di dalam kitabnya “*Mughnī al-Muḥtāj*” memberikan definisi haji menurut bahasa ialah *al-qasḍ* atau berkehendak. Berkata al-Khalīl, berniat untuk sesuatu yang dimuliakan. Menurut istilah pula berarti menyengaja mengunjungi Kaabah untuk beribadat.<sup>10</sup>

Ibn Qudāmah mendefinisikan haji sebagai pergi menuju Baitullah, rumah Allah untuk menunaikan rangkaian ritual yang sesuai dengan ketentuan syariat

---

<sup>7</sup> M. Shaleh Putuhena, *Historiografi Haji Indonesia*, 4.

<sup>8</sup> Ahmad Warson Munawir, *al-Munawwir: Kamus Arab-Indonesia* (Yogyakarta: Pongpes Krapyak, 1984), 256.

<sup>9</sup> Ibn Taymiyyah, Ahmad bin ‘Abd al-Ḥalīm bin ‘Abd al-Salām bin ‘Abd Allah bin al-Khadr bin Muḥammad bin al-Khadr bin ‘Ālī bin ‘Abd Allah bin Taymiyyah al-Namirī al-Harrānī al-Dimashqī, *Fiqh al-Ḥajj*, ed. Sayyid al-Jamīlī (cet. ke-1, Bairut: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1989), 7.

<sup>10</sup> Al-Sharbinī, Shams al-Dīn Muḥammad bin Ahmad. *Mughnī al-Muḥtāj ‘ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj* (Kaherah: Dār al-Hadīth, t.t.), 2:257.

yang ditetapkan. Haji atau *nusuk* itu wajib dilaksanakan oleh setiap orang Islam sesuai dengan rukun Islam.<sup>11</sup>

Menurut jumhur ulama, pengertian haji menurut bahasa ialah berkehendak untuk melakukan sesuatu yang dimuliakan. Adapun menurut syarak ialah niat mengunjungi tempat yang tertentu (Kaabah dan Arafah) pada waktu yang tertentu (pada bulan Syawal) untuk melaksanakan segala amalan yang tertentu iaitu wuquf di Arafah, tawaf, *sa'i* dengan syarat tertentu.<sup>12</sup>

Berkata al-Halīmī dalam “*Mughnī al-Muḥtāj*”, haji adalah mengumpulkan makna ibadat secara keseluruhan. Justeru barangsiapa yang menunaikan haji, seolah-olah ia telah melaksanakan puasa, solat, iktikaf, zakat, perang *fī sabīl Allah*.<sup>13</sup>

Adapun hukum menunaikan ibadat haji itu adalah wajib bagi setiap lelaki dan perempuan sekali seumur hidup dengan syarat-syarat tertentu. Haji adalah suatu kemestian dalam agama. Barangsiapa yang mengingkarinya boleh jatuh kepada hukum kafir menurut kesepakatan ulama. Haji adalah sebaik-baik amal yang dapat membersihkan diri dari kejahatan nafsu dan kecintaan kepada syahwat serta mendekatkan diri kepada Allah, meningkatkan kerohanian, meninggikan mahabbah serta menjauhkan diri dari perbuatan yang tercela dan dosa.<sup>14</sup>

---

<sup>11</sup> Al-Maqḍisī, Shams al-Dīn Abī al-Farj ‘Abd al-Raḥmān bin Abī ‘Umar Muḥammad bin Aḥmad, *al-Sharḥ al-Kabīr ‘alā Mam al-Mughnī* (Dār al-Kitāb al-‘Arabī, t.t.), 3:359; Al-Murtaḍā, Aḥmad bin Yahyā, *Tāj al-Madhḥab li Aḥkām al-Madhḥab* (t.tp.: Dār al-Kitāb al-Islāmī, t.t.), 462.

<sup>12</sup> Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 2:257; Bandingkan: Al-Jazirī, ‘Abd Raḥmān, *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba’ah* (t.tp.: Dār al-Irshād, t.t.), 1:559.

<sup>13</sup> Al-Sharbīnī, *Ibid.*

<sup>14</sup> Al-Jazirī, ‘Abd Raḥmān, *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba’ah*, 1: 559; Ibn Taymiyyah, *Fiqh al-Hajj*, 7-8.

Dasar kefardhuan haji dalam Islam ditetapkan dalam al-Quran, hadis dan ijmak.

Sebagaimana firman Allah SWT:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ۚ وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ ﴿٩٧﴾

Ali ‘Imran 3:97

Ertinya: “Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya dan sesiapa yang kufur (ingkar kewajiban ibadat haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk.”

hadis Nabi SAW:

عن يونس عن الحسن قال: لما نُزِلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ (وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا) قَالَ رَجُلٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا السَّبِيلُ؟ قَالَ الرَّادُّ وَالرَّاحِلَةُ.

Ertinya: “Dari Yunus dari al-Hasan, berkata: Ketika turun ayat ini (Āli ‘Imrān: 97) di atas, ada seorang lelaki bertanya: Ya Rasulullah, apakah yang disebut *sabil* (jalan) itu? Rasulullah menjawab: Bekal dan kenderaan”.<sup>15</sup>

Merujuk kepada nas al-Quran dan hadis di atas, secara umumnya kemampuan fizikal, bekal dan pengangkutan menjadi hal yang paling utama dalam *istita‘ah* seseorang baik dalam haji mahupun umrah.

<sup>15</sup> H.R. Dār al-Qutnī, dalam Al-Dāraqutnī, Alī bin ‘Umar. *Sunan al-Dāraqutnī*. Bairut: Dār al-Fikr, 1994, no. 811.

Sedangkan *al-Rāḥilah* dalam hadis tersebut dijelaskan 'Ala' al-Dīn al-Kasānī yang mengatakan bahawa persediaan bekal dan kenderaan bukan untuk membatasi syarat atas keduanya, akan tetapi untuk memerhatikan alasan yang memungkinkan, kerana semua hal itu memiliki sebab yang mungkin masuk dalam tafsir *istiṭā'ah* secara makna.

Sedangkan makna *al-Zad* dalam hadis tersebut meliputi seluruh bekalan untuk dirinya dan keluarga yang ditinggalkannya<sup>16</sup>.

Pengertian *al-istiṭā'ah* menurut bahasa ialah *ṭāqah* atau *quwwah* yang bererti kemampuan (kuat/sanggup). *Istiṭā'ah* haji atau umrah ertinya kemampuan (kuasa) melaksanakan ibadat haji dan umrah.

Menurut istilah pula adalah kemampuan fizikal, harta dan kemampuan pada waktu seseorang hendak mengerjakan haji dan umrah<sup>17</sup>.

Semua ulama menyatakan bahawa orang yang tidak memiliki kemampuan kewangan lalu berhutang bukanlah cara yang dibenarkan oleh syarak agar dia menjadi orang yang mampu untuk melakukan haji atau umrah. Berikut merupakan beberapa pernyataan *fuqahā* tentang perkara ini:

Al-Ṣḥawkānī berpendapat, setiap orang yang mempunyai tanggungan hutang dimakruhkan menunaikan ibadat haji dan ikut berperang jika ia tidak memiliki harta untuk membayarnya, kecuali mendapat keizinan dari orang yang memberi hutang. Jika ada yang menanggung hutangnya, maka ia tidak boleh menunaikan haji kecuali dengan izin

---

<sup>16</sup> Al-Kasānī, 'Alā' al-Dīn. *Badā' i' al-Ṣanā' i'* (cet. ke-2, Bairut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, t.t.), 4: 356.

<sup>17</sup> Ahmad Warson Munawir, *al-Munawwir: Kamus Arab-Indonesia* (Yogyakarta: Pongpes Krapyak, 1984), 935.

keduanya (pemberi hutang dan penanggungnya). Jika tanpa keizinannya, maka cukup dengan izin dari *ṭālib* (pihak yang berhak menuntut) sahaja<sup>18</sup>.

Al-Imām Mālik berpendapat, seseorang tidak diwajibkan haji dengan biaya berhutang yang tidak mampu dilunaskan walaupun hutang tersebut dari anaknya.<sup>19</sup>

Ibn Taymiyyah berpendapat, seseorang yang tidak memiliki bekal tidak dianggap *istiṭā'ah* (berangkat haji atau umrah). Sedangkan keperluan haji dan umrahnya berasal dari pemberian orang lain walaupun dia itu bapa atau anaknya sendiri.<sup>20</sup>

Para ulama berbeza pendapat dalam mentafsirkan makna "*al-Istiṭā'ah*." Menurut pendapat Ḥanafiyah, *al-istiṭā'ah* iaitu kemampuan dari segi bekal dan perjalanan. Dari segi bekal, hendaklah lebih dari keperluan dasarnya, iaitu dari segi agama, tempat tinggal, pakaian, kenderaan yang dinaiki, alat-alat tajam, pedang dan lain-lain. Demikian juga dengan nafkah untuk keluarga yang mesti ditunaikan dalam jangka masa ketiadaannya sehinggalah ia kembali.

Dan dari segi perjalanan adalah bersesuaian dengan adat dan kebiasaan seseorang. Oleh yang demikian, ianya tentu berbeza bagi setiap orang. Ada yang menaiki kenderaan mewah dan ada juga yang sederhana. Syarat berikutnya ialah memahami ilmu mengenai masalah haji dan kefardhuannya. Akhir sekali Ḥanafiyah menetapkan syarat *al-adā'* iaitu

---

<sup>18</sup> Al-Ṣḥawkānī, Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad bin Abdullah al-Shawkānī al-Ṣan'ānī. *Fath al-Qādir al-Jāmi' bayna Fan al-Riwāyah wa al-Dirāyah fī al-Tafsīr* (t.p.: al-Maktabah al-Shāmilah, t.t.), 5:1.

<sup>19</sup> Al-Aṣḥabī, Abū Abdullah Mālik bin Anas bin Mālik bin Abī Amīr bin Amr bin Ḥāris bin Gaymān bin Kutayl bin Amr bin al-Ḥāris al-Madanī, *Al-Muwatta'* (t.p.: al-Maktabah al-Shāmilah, t.t.), 1:334.

<sup>20</sup> Ibn Taymiyyah, Aḥmad bin 'Abd al-Ḥalīm bin 'Abd al-Salām bin 'Abd Allah bin al-Khadr bin Muḥammad bin al-Khadr bin 'Ālī bin 'Abd Allah bin Taymiyyah al-Namirī al-Harrānī al-Dimashqī, *Muntahā al-Irādah* (Bairut: Mu'assasah Risālah, t.t.), 3:420.

keselamatan badan, aman dalam perjalanan, ada mahram bagi perempuan dan bukan masa *‘iddah* bagi seorang wanita.<sup>21</sup>

Adapun pendapat Mālikiyyah, *al-Istiṭā‘ah* iaitu sesuatu yang memungkinkan untuk sampai ke Makkah dan tempat-tempat ibadat, baik dengan berjalan kaki ataupun dengan kenderaan, sama ada kenderaan sendiri atau sewaan. Serta disyaratkan tiada kesulitan yang besar selama dalam perjalanan, aman pada diri dan hartanya dan ada mahram bagi wanita.

22

*Al-Istiṭā‘ah* menurut pendapat Ḥanābilah iaitu, kemampuan dari segi bekalan dan perjalanan. Dari segi bekalan, disyaratkan ada kelebihan dari segi ilmu, tempat tinggal, pembantu, nafkah bagi keluarganya selama pemergiannya secara berterusan. Dan dari segi perjalanan pula, disyaratkan aman dalam perjalanan, bagi perempuan hendaklah ada mahram, bagi yang buta hendaklah ada penuntunnya yang melihat.<sup>23</sup>

Adapun *al-Istiṭā‘ah* menurut pendapat Shāfi‘iyyah iaitu, terbahagi kepada dua: *Istiṭā‘ah bi al-Nafs* dan *Istiṭā‘ah bi al-Ghayr*. Maksud yang pertama ialah, kemampuan dari segi bekalan, iaitu ada tunggangan dalam perjalanan, aman dalam perjalanan, ada air dan bekalan, ada mahram bagi wanita dan ada penuntun bagi yang buta, ditetapkan tiada kesulitan yang besar bagi tunggangan selama dalam perjalanan, masih dalam waktu haji. Manakala yang dimaksudkan berkemampuan ialah mulai awal bulan Syawal sehingga 10 Zulhijah.<sup>24</sup>

---

<sup>21</sup> Al-Jaziri, *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba‘ah*, 1: 560.

<sup>22</sup> *Ibid.*, 561.

<sup>23</sup> *Ibid.*, 562-563.

<sup>24</sup> *Ibid.*, 563

Dan dasar ibadat sunnah Rasulullah yang lain iaitu hadis dari ‘Umar bin Khaṭṭāb r.a. mengenai kisah seorang penanya (Malaikat Jibril a.s.) yang bertanya kepada Rasulullah SAW:

حَدِيثُ عُمَرَ ابْنِ الْخَطَّابِ فِي قِصَّةِ السَّائِلِ الَّذِي سَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَهُوَ جَبْرِيْلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ، فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الْإِسْلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَأَنْ تُقِيمَ الصَّلَاةَ، وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ، وَتَحُجَّ الْبَيْتَ وَتَعْتَمِرَ، وَتَغْتَسِلَ مَنْ الْجَنَابَةِ وَتُتِمَّ الْوُضُوءَ وَتَصُومَ رَمَضَانَ، قَالَ: فَإِنْ قُلْتُ هَذَا فَأَنَا مُسْلِمٌ؟ قَالَ: نَعَمْ. قَالَ: صَدَقْتَ...

Ertinya: *Hadith dari ‘Umar bin Khaṭṭāb r.a. mengenai kisah seorang yang bertanya kepada Rasulullah SAW, kemudian Nabi SAW berkata kepadanya, “Engkau bersaksi bahawa sesungguhnya tiada Tuhan kecuali Allah dan sesungguhnya Nabi Muhammad itu adalah utusan-Nya. Engkau mendirikan solat, membayar zakat, berhaji ke Baitullah dan berumrah. Engkau mandi junub, engkau menyempurnakan wuduk dan puasa Ramadan. Si penanya berkata, “Jadi, jika saya mengamalkan semua itu, bererti saya seorang muslim?” Rasulullah menjawab, “Ya, tentu!” Si penanya berkata lagi, “Kamu benar...”*<sup>25</sup>

Dasar ibadat haji dalam Islam selain berdasarkan al-Quran dan hadis, kewajibannya juga telah menjadi kesepakatan umat. Maka barang siapa yang mengingkarinya maka ia kufur.

Allah SWT telah mewajibkan ibadat haji bagi setiap muslim dan muslimat yang mampu memiliki hikmah yang sangat banyak. Antaranya telah menjadi kesepakatan umat dalam menaiki tangga yang satu, menyembah Tuhan Yang Esa dengan ikhlas beribadat kepada-Nya, milik-Nya agama yang suci dan murni yang merupakan asas kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat.

<sup>25</sup> H.R. Imam al-Bayhaqi dan Imam al-Daraqutni, dalam: Al-Muttaqī al-Hindī, *Kanz al-‘Ummāl*, Jilid. 1, Kitab al-Imān wa al-Islām, Bāb fī Ḥaqīqatihimā (al-Imān wa al-Islām), Faṣl fī Ḥaqīqah al-Imām, no. 1358.

## 2.3 HAJI DAN KESEDARAN SEJARAH

Sebagaimana yang dimaklumi, ibadat haji dan tatacara perlaksanaannya tidak terlepas daripada keterkaitannya dengan sejarah, bermula dari Nabi Adam, Nabi Ibrāhīm dan pada zaman Jahiliyah sehinggalah haji yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW. Jika diteliti, ibadat haji dalam Syariat Islam adalah pengembangan dan penyempurna daripada syariat yang telah dilaksanakan oleh Nabi Adam dan Nabi Ibrāhīm. Oleh kerana perbahasan ini menfokuskan isu pelaksanaan ibadat haji dalam Islam, maka cukup disentuh perkara yang berkaitan dengan ibadat haji Rasulullah SAW sebagai tolak ukur dalam perbincangan ini.

### 2.3.1 Haji Nabi Muhammad

Dalam Islam, haji adalah ibadat yang diwajibkan kepada setiap muslim yang mempunyai kesanggupan untuk melaksanakannya. Menurut jumhur ulama, perintah mengenai kewajipan haji bagi Nabi Muhammad dan umatnya, diterima 6H./628M.,<sup>26</sup> iaitu ketika firman Allah yang memerintahkan Nabi Muhammad dan umatnya untuk melaksanakan ibadat haji dan umrah. Untuk melaksanakan perintah tersebut, pada 25 Zulkaedah tahun 10 Hijrah atau 632 Masihi, saat yang dinanti-nantikan pun tiba. Rasulullah SAW bersama isteri-isteri Baginda, memulakan perjalanan yang amat bersejarah itu yang diikuti oleh 90,000 hingga 140,000 orang sahabat. Mereka bertolak ke Makkah untuk melaksanakan umrah. Akan tetapi perjalanan umrah itu terhenti kerana dicegah oleh sebahagian penduduk Makkah di Hudaibiyah, 10 km dari kota Makkah. Setelah kedua kelompok tersebut melakukan perundingan, tercapailah suatu kesepakatan antara kaum

---

<sup>26</sup> Al-‘Asqalāni, al-Imām al-Ḥāfiẓ Shihāb al-Dīn Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī bin bin Muḥammad bin Ḥajar. *Bulūgh al-Marām* (Bairut: Dār al-Balāghah, 1985), 9; Al-Ḥasanī, ‘Alawī bin ‘Abbās al-Mālikī, *Nafahāt al-Islām min al-Balad al-Ḥarām* (cet. 1. Bairut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, 2008), 130.

muslim Madinah dengan kaum musyrik Makkah. Perjanjian itulah yang kemudian populer dengan sebutan Perjanjian Hudaibiyah. Antara isi kesepakatan tersebut adalah umat Islam belum diperkenankan memasuki kota Makkah pada tahun itu. Mereka dibolehkan mengunjungi kota suci itu pada tahun berikutnya selama tiga hari.<sup>27</sup>

Sebelum melaksanakan ibadah haji, Nabi Muhammad telah beberapa kali melaksanakan ibadah umrah. Dalam hal ini terjadi perbezaan pendapat mengenai berapa kali Nabi Muhammad melaksanakan umrah. Menurut ‘A’ishah, Ibn ‘Umar, Anas, Nabi Muhammad sudah empat kali melaksanakan umrah., Menurut Anas, umrah yang keempat adalah umrah Hudaibiyah pada tahun berikutnya (7H./929M.), yakni setelah umrah yang pertama, umrah Zulkaedah dan umrah ketika beliau melaksanakan ibadah haji. Selain empat umrah tersebut, menurut Ḥammām, Nabi Muhammad juga melaksanakan umrah Ji’ranah, yakni ketika beliau membahagi harta rampasan perang Hunain, yang terjadi setelah penaklukan Makkah (*Fath al-Makkah*). Sumber lain, yakni Barā’ah bin ‘Āzib, mencatatkan bahawa, Rasulullah melaksanakan umrah dua kali pada bulan Zulkaedah. Menurut Ibn Ṭin, sesungguhnya umrah pada tahun berikutnya (*‘umrah qādiyah*), keduanya digabungkan dan dihitung sekali umrah sahaja.<sup>28</sup> Walaupun demikian, pendapat yang paling kuat mengatakan Nabi Muhammad SAW melaksanakan umrah hanya tiga kali selama hidupnya. Pertama, umrah yang dilaksanakan pada 7H./629M., untuk menepati perjanjian Hudaibiyah; kedua, pada 8H./630M. yang disebut umrah Zulkaedah atau Ji’ranah dan ketiga, pada 10H./632M., yakni ketika Beliau melaksanakan haji *wadā’* (haji perpisahan).<sup>29</sup>

---

<sup>27</sup> Al-Ḥasanī, *Nafahāt al-Islām min al-Balad al-Ḥarām*, 110.

<sup>28</sup> Al-‘Asqalāni, *Bulūgh al-Marām*, 336.

<sup>29</sup> M. Shaleh Putuhena, *Historiografi Haji Indonesia*, 32.

Nabi Muhammad SAW hanya sekali melaksanakan ibadat haji. Tidak terdapat perbezaan pendapat mengenai hal ini. Nabi melaksanakan haji pada 10H./632M., yang masyhur dengan haji *wadā'*. Ini kerana, tidak berapa lama sesudah itu Nabi wafat. Pada 8H./630M., setelah *Fath al-Makkah*, Nabi tidak segera melaksanakan ibadat haji kerana ketika itu penduduk Makkah melaksanakan haji pada bulan Zulkaedah sesuai dengan tradisinya. Tahun berikutnya, ketika masyarakat Makkah melaksanakan haji pada bulan Zulhijah, Nabi sebenarnya tidak bermaksud untuk melaksanakan haji. Akan tetapi muslimin Madinah dibolehkan melaksanakan haji pada tahun ini.

Sebelum berangkat melaksanakan haji, jemaah haji terlebih dahulu belajar tata cara (*manāsik*) haji dengan Rasulullah sendiri.<sup>30</sup> Setelah Abū Bakr dan jemaahnya meninggalkan Madinah, Nabi menerima wahyu dari Allah (surah al-Tawbah). Setelah wahyu itu turun, 'Alī bin Abī Tālib diperintahkan untuk menyusul Abū Bakr, dengan maksud untuk membacakan ayat-ayat yang baharu diwahyukan itu sesudah wuquf. Ketika itu, kaum muslimin dan kaum musyrikin melaksanakan wuquf bersama-sama, 'Alī bin Abī Tālib menyampaikan ayat-ayat yang baharu diturunkan kepada Nabi.<sup>31</sup> Ayat-ayat tersebut menyatakan pembatalan perjanjian Hudaibiyah; pemberian kesempatan kepada orang-orang musyrik selama empat bulan untuk mempersiapkan diri; menyatakan bahawa haji yang baharu dilaksanakan ini adalah Haji Akbar; hukuman Allah dan rasul-Nya untuk orang-orang kafir yang memusuhi Islam, terkecuali mereka yang berdamai dengan kaum muslimin. Pada saat itu juga dinyatakan bahawa mulai tahun tersebut kaum muslimin dan musyrikin tidak dibenarkan berkumpul untuk bersama-sama melaksanakan haji

---

<sup>30</sup> *Ibid.*, 186.

<sup>31</sup> *Ibid.*

sebagaimana yang telah berlaku sebelumnya.<sup>32</sup> Setelah terjadi *fath Makkah*, kaum muslimin satu-satunya menguasai kekuatan politik di Makkah. Pelaksanaan ibadah harus terpisah menjadi dua kelompok, baik tempat maupun waktunya. Kaum musyrikin yang tidak mau berdamai dengan kaum muslimin akan dibersihkan dari Makkah.

Sebagaimana yang diketahui, Nabi Muhammad melaksanakan ibadah haji hanya sekali selama hidupnya, yaitu haji *wadā'* (10H./632M.), empat tahun setelah Beliau menerima perintah kewajiban haji. Nabi Muhammad SAW melaksanakan haji berdasarkan manasik yang ditetapkan oleh Allah. Sebahagian besar tempat, waktu dan kegiatan yang terdapat dalam manasik Nabi Muhammad SAW adalah sama dengan manasik haji Nabi Ibrāhīm a.s. Persamaan ini bukanlah suatu kebetulan (*co-incident*), melainkan sesuatu yang dikehendaki oleh Allah, dan sebagai realisasi doa Nabi Ibrāhīm setelah selesai membangun Kaabah,<sup>33</sup> dan Nabi Muhammad dari suku Quraysh itu termasuk keturunannya. Dari segi budaya, sehingga waktu Nabi Muhammad menyampaikan *risālah*-nya, budaya keagamaan Nabi Ibrāhīm masih dipelihara oleh sebahagian suku Arab meskipun sudah terdapat bidaah dan khurafat di dalamnya. Pelaksanaan haji dan penyembelihan binatang korban juga masih terpelihara. Meskipun suku Arab Jahiliyah menyembah berhala, mereka masih mempercayai adanya Allah sebagai pencipta langit dan bumi. Malah sebahagian mereka tetap melaksanakan solat menurut ajaran Nabi Ibrāhīm. Oleh itu, risalah Nabi Muhammad dianggap sebagai penyambung budaya yang telah ada. Anggapan seperti itu merupakan salah satu faktor yang memudahkan penerimaan Islam di kalangan masyarakat Arab.

---

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> Doa Nabi Ibrāhīm sebagaimana terdapat dalam surah al-Baqarah 2:127-128, “*Ya Tuhan kami, terimalah (amal) dari kami. Sungguh, Engkaulah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. Ya Tuhan kami, jadikanlah kami orang yang berserah diri kepada-Mu, dan anak cucu kami (juga menjadi) umat yang berserah diri kepada-Mu, dan tunjukkanlah kepada kami cara-cara melakukan ibadah haji kami, dan terimalah taubat kami. Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Menerima Taubat lagi Maha Penyayang.*”

Selain dari sudut pandang keturunan (*genealogis*) dan budaya (*cultural*), hubungan yang erat antara risalah kedua Nabi itu (Ibrahim dan Muhammad) dapat ditelusuri dari sudut pandang sejarah Islam (*teologis*). Dalam *teologis* Islam ditegaskan bahawa semua nabi membawa agama yang intinya sama, iaitu Tauhid/Iman (percaya kepada Allah), Islam (tunduk dan patuh kepada Allah), dan Amal Soleh (berbuat baik kepada sesama umat manusia). Akan tetapi, tugas seorang nabi yang datang kemudian adalah memelihara, menyempurnakan dan menciptakan kontinuiti dengan nilai-nilai yang dibawa oleh nabi terdahulu serta mengoreksi kemungkinan terjadinya kesalahan interpretasi terhadap nilai dan norma agama sebelumnya. Jadi, persamaan antara satu agama dengan agama yang lain adalah sangat mungkin berlaku.

Dari huraian tersebut dapat difahami dan tidak menghairankan jika terdapat persamaan antara manasik haji yang diajarkan oleh Nabi Ibrāhīm a.s. dengan Nabi Muhammad SAW. Oleh kerana hubungan yang erat itulah maka pandangan umat Islam Indonesia pada umumnya terhadap mereka yang menunaikan ibadat haji sebagai “mendapat panggilan Nabi Ibrāhīm.” Namun demikian, setiap muslim percaya bahawa haji itu adalah sebahagian daripada ajaran Islam dan bukan ajaran Nabi Ibrāhīm. Malahan bukan kerana pengaruh budaya keagamaan Arab sebelum Islam.<sup>34</sup>

Tata cara atau manasik haji Nabi Muhammad SAW, menurut tradisi keilmuan Islam, didasarkan kepada petunjuk Allah SWT. Pengetahuan dan pengalaman manasik haji oleh kaum muslimin yang mengikuti haji *wadā'* diperoleh dengan cara mengikut praktik

---

<sup>34</sup> Snouck Hurgronje mengatakan adanya hubungan antara haji yang dilakukan oleh Nabi Muhammad dengan haji yang dilakukan oleh Nabi Ibrāhīm. Dalam huraianya, Hurgronje berpendapat bahawa haji dalam Islam sangat dipengaruhi oleh tradisi Arab Jahiliyah. Namun dengan memberikan makna lain dari tempat-tempat suci dan kegiatan pada tempat-tempat itu. Hubungan kait antara Nabi Muhammad dengan Nabi Ibrāhīm adalah bahawa Nabi Muhammad diminta untuk melepaskan diri dari pengaruh Yahudi dengan menjadikan Makkah sebagai tempat yang lebih penting sebagaimana pada masa sebelum Islam dengan upacara hajinya itu. (M. Shaleh Putuhena, *Historiografi Haji Indonesia*, 35-36).

nabi yang bertindak sebagai pembimbing haji. Oleh kerana itu, meskipun kaum muslimin memahami bahawa manasik itu berkaitan dengan Nabi Ibrāhīm, mereka juga meyakini bahawa ia juga merupakan sebahagian daripada syariat Islam.

Bentuk pelaksanaan ibadat haji berikut ini berdasarkan bersumberkan informasi dari Jābir r.a., salah seorang sahabat nabi yang mengikuti rombongan jemaah haji *wadā'*. Dalam sebuah hadis, ia menjelaskan bahawa rombongan meninggalkan Madinah menuju Zulhulayfah. Di sini mereka berhenti untuk mula melaksanakan haji dengan memakai pakaian *ih̄rām*. Menurut Jābir, mereka tidak berniat kecuali untuk haji.

Hadis dari sahabat Jābir r.a.:

عن جابر رضي الله عنه قال: إِنَّ إِهْلَالَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ ذِي الْحُلَيْفَةِ حِينَ اسْتَوَتْ بِهِ رَأْسُهُ.

Ertinya: “Dari Jābir r.a. beliau berkata, “Sesungguhnya *ihlāl* Rasulullah SAW itu dari *miqāt* Zulhulayfah ketika kenderaan beliau sudah siap.”<sup>35</sup>

Hadis lain yang diriwayatkan oleh Sa‘īd bin Jubayr:

مَا رَوَاهُ سَعِيدُ ابْنُ جُبَيْرٍ قَالَ: قُلْتُ لِابْنِ عَبَّاسٍ: عَجَبْتُ لِاخْتِلَافِ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ أُوجِبَ، فَقَالَ: إِنِّي لِأَعْلَمُ النَّاسَ بِذَلِكَ، إِنَّهَا إِتْمَا كَانَتْ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ حِجَّةً وَاحِدَةً فَمِنْ هُنَاكَ اخْتَلَفُوا. خَرَجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَاجًّا فَلَمَّا صَلَّى فِي مَسْجِدِهِ بِذِي الْحُلَيْفَةِ أُوجِبَ فِي مَجْلِسِهِ، فَأَهْلًا بِالْحَجِّ حِينَ فَرَعَ مِنْ رُكْعَتَيْهِ، فَسَمِعَ مِنْهُ ذَلِكَ أَقْوَامًا، فَحَفِظْتُهُ عَنْهُ...

<sup>35</sup> H.R. Imam al-Bukhari, no. 1533

Ertinya: “Dari Sa’id bin Jubayr r.a., aku bertanya kepada Ibn ‘Abbās bahawa aku merasa hairan dengan perbezaan pendapat para sahabat Rasulullah SAW mengenai waktu ihlal beliau ketika menunaikan haji wajibnya. Ibn ‘Abbas menjawab, “Sesungguhnya aku adalah orang yang lebih mengetahui tentang semua itu. Sesungguhnya Rasulullah SAW itu hanya menunaikan satu kali haji. Dari sanalah sumber perbezaan di antara para sahabat itu. Rasulullah SAW telah keluar dari kota Madinah untuk menunaikan ibadat haji, pada saat beliau solat di masjidnya di Zulhulayfah, beliau menjamu para sahabat di tempat duduknya. Beliau berihlal untuk haji setelah selesai menunaikan solat dua rakaatnya. Orang-orang pun mendengarnya dan aku sendiri mengingatnya perlaksanaan ihlal Rasulullah itu...”<sup>36</sup>

Zulhulayfah adalah kota yang terletak 450 km (sekitar 9 atau 10 marhalah) sebelah utara kota Makkah atau 11 km (sekitar 6 mil) sebelah selatan Madinah. Kota ini ditetapkan sebagai *miqāt makānī* (tempat memulai haji dan umrah). Menurut catatan, Nabi dan jemaah hajinya memulakan haji dari Zulhulayfah pada awal Mac 632M.<sup>37</sup> Menurut Ibn ‘Abbās, Nabi beserta rombongan meninggalkan Madinah pada 5 hari terakhir bulan Zulkaedah dan tiba di Makkah setelah 4 malam perjalanan dalam bulan Zulhijah.<sup>38</sup> Berdasarkan keterangan Ibn ‘Abbās tersebut dapat dianggarkan bahawa Nabi dan jemaahnya berangkat dari Zulhulayfah pada Ahad, 26 Zulkaedah, atau bersamaan 23 Februari 632M., dan tiba di Makkah pada Isnin, 4 Zulhijah 10H. bersamaan 2 Mac 632M.<sup>39</sup> Para ulama menetapkan Syawal, Zulkaedah dan Zulhijah sebagai waktu yang sah untuk melaksanakan ibadat haji.

---

<sup>36</sup> H.R. Imam Muslim, no. 1243.

<sup>37</sup> Al-Nawāwī, Muḥy al-Dīn Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Sharf, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Bairut: Dār al-Fikr, 1972), 4:341.

<sup>38</sup> Al-‘Asqalāni, *Bulūgh al-Marām*, 50.

<sup>39</sup> Perhitungan waktu tersebut berdasarkan jadual penyesuaian tahun Hijriah dengan tahun Masihi. (Lihat: M. Shaleh Putuhena, *Historiografi Haji Indonesia*, 36).

Ini bererti hanya pada ketiga bulan inilah dibolehkan mula memakai ḥrām haji dan dinamakan *miqāt zamāni*.<sup>40</sup>

Kemudian setelah melaksanakan solat di masjid, Rasulullah SAW mengenderai untanya, yang bernama *Quṣwā'*, sambil mengumandangkan lafaz talbiyah yang kemudian diikuti oleh para jemaah yang juga mengenderai unta. Selama perjalanan menuju Makkah, mereka sentiasa membaca talbiyah. Setibanya di Makkah, Nabi bergegas menuju Baitullah, mencium Hajar Aswad dan disusul dengan tawaf. Pada tiga pusingan pertama, tawaf dilaksanakan dengan jalan cepat, sementara pada empat pusingan terakhir, tawaf dilaksanakan dengan jalan biasa. Setelah selesai melakukan tawaf, Nabi menuju Maqām Ibrāhīm untuk melaksanakan solat dua rakaat. Setelah itu, Nabi kembali mencium Hajar Aswad.<sup>41</sup>

Kemudian, Nabi memimpin rombongan jemaah haji menuju ke bukit *Ṣafā* dan *Marwah* untuk melakukan lari-lari kecil yang lebih dikenali sebagai *sa'i*. Ketika mendekati *Ṣafā*, Nabi membaca ayat al-Quran (al-Baqarah 2:158) yang menegaskan bahawa *Ṣafā* dan *Marwah* itu termasuk tempat beribadat kepada Allah. Oleh kerana ayat itu menyebutkan *Ṣafā* terlebih dahulu maka *sa'i* pun dimulakan dari bukti tersebut. Setiba di *Ṣafā*, Nabi naik ke puncak bukit sehingga beliau dapat melihat dan menghadap Kaabah dan membaca tahlil dan takbir<sup>42</sup> sebanyak tiga kali dan diselangi dengan doa. Selanjutnya, Nabi turun dari bukit *Ṣafā* dan berjalan menuju bukit *Marwah*. Ketika sampai di Wādī, yang terletak di antara kedua bukit tersebut, jemaah diperintahkan untuk berlari-lari anak, kemudian berjalan kembali seperti mula sampai ke bukit *Marwah*. Setiba di atas bukit *Marwah*, nabi

---

<sup>40</sup> Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah* (cet. ke-3, Lubnan: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1977), 1:651.

<sup>41</sup> *Ibid.*, 643; Al-Ḥasanī, *Nafahāt al-Islām min al-Balad al-Ḥarām*, 112.

<sup>42</sup> Lafaz tahlil adalah *Lā ilāha illa Allāh*. Dan lafaz takbir adalah *Allāhu Akbar*.

mengulang apa yang telah dilakukannya di bukit *Ṣafā*. Setelah itu, Nabi turun dari bukit *Marwah* untuk kembali berjalan menuju bukit *Ṣafā* sambil melakukan apa yang telah dilakukan sebelumnya. Perjalanan *sa'i* antara bukit *Ṣafā* dan *Marwah* itu dilakukan tujuh kali dan berakhir di bukit *Marwah*. Kegiatan *sa'i* ini seakan-akan melakukan perjalanan ulang kembali apa yang pernah dilakukan oleh Hajar, ibu kepada Isma'il a.s.<sup>43</sup>. Bukit *Ṣafā* dan *Marwah* terletak di luar Masjidil Haram. Jarak antara kedua bukit itu adalah 766 ½ hasta,<sup>44</sup> atau sekitar 400 meter.

Setelah selesai melaksanakan *sa'i*, Nabi Muhammad SAW mengumumkan kepada jemaah haji bahawa bagi mereka yang tidak membawa binatang korban, maka harus melakukan *tahalul*, iaitu mencukur rambut atau memotong beberapa helai rambut. Dengan begitu, mereka telah menyelesaikan umrah. Sementara Nabi bersama beberapa sahabatnya yang membawa binatang korban tetap mengenakan pakaian *ih̄rām* sehingga waktu pelaksanaan haji.<sup>45</sup> Jadi, para sahabat yang hanya mengambil umrah, telah mengubah niatnya dari *ih̄rām* haji yang ditetapkan di Zulhulayfah, menjadi niat umrah.<sup>46</sup>

Pada hari Tarwiyah, Jumaat 8 Zulhijah 10H. atau 7 Mac 632M., Nabi Muhammad SAW berserta rombongan bertolak ke Mina sambil mengucapkan doa talbiyah. Sebelum bertolak ke Mina, jemaah haji yang telah melaksanakan umrah terlebih dahulu harus berniat haji dan memakai kembali pakaian *ih̄rām*nya. Di Mina, yang terletak sekitar 11 km dari Makkah (ke arah timur), nabi dan jemaah haji lainnya melakukan *mabī't* (beristirahat semalam di Mina). Pada hari Tarwiyah, mereka belum melaksanakan kegiatan haji.

---

<sup>43</sup> Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 643.

<sup>44</sup> Al-Azraqī, *Akhbār Makkah*, 119.

<sup>45</sup> Sayyid Sābiq, *Fiqh al-ʿIbadah*, 643.

<sup>46</sup> Perbahasan mengenai khilaf ulama tentang hukum mengubah niat haji kepada niat umrah, sila lihat: Al-Ḥasanī, *Nafahāt al-Islām min al-Balad al-Ḥarām*, 117-118.

Kegiatan ibadat yang menonjol pada hari itu di Mina adalah solat lima waktu, mulai dari Zohor sehingga Subuh keesokan harinya.<sup>47</sup> Sumber lain menjelaskan bahawa pada waktu itu solat yang empat rakaat dijadikan dua rakaat.<sup>48</sup>

Keesokan harinya, hari Arafah Sabtu 9 Zulhijah/8 Mac, setelah terbit matahari, Nabi bersama rombongan berangkat ke Arafah sambil membaca *talbiyyah*. Arafah adalah suatu tempat padang pasir yang letaknya sekitar 25 km dari Makkah, tempat pelaksanaan ibadat wukuf. Setibanya di Arafah, Nabi berhenti di Namirah, suatu tempat berhampiran Arafah.<sup>49</sup> Akan tetapi, setelah diketahui bahawa tempat itu tidak termasuk Arafah dan pernah dijadikan tempat wukuf oleh kaum Quraysh pada zaman Jahiliyah, Nabi segera meninggalkan tempat itu dan menuju Wādī Arafah. Setelah matahari condong ke Barat, sebagai petanda telah masuk waktu Zohor, Nabi menyampaikan khutbah kepada jemaah haji yang masyhur dengan Khutbah Arafah. Selesai melaksanakan khutbah, kegiatan dilanjutkan dengan azan dan iqamah untuk solat Zohor yang digabung dengan solat Asar (*jama'*). Setelah melaksanakan solat, Nabi berpindah ke tempat lain untuk melaksanakan wukuf, yang diisi dengan doa dan zikir. Kegiatan ini dilaksanakan sehingga terbenam matahari.<sup>50</sup>

Setelah matahari terbenam, Nabi Muhammad SAW dan rombongan menuju Muzdalifah, sekitar 20 km dari Makkah dan 9 km dari Mina. Di Muzdalifah, Nabi melaksanakan solat Maghrib dan Isyak secara jamak.<sup>51</sup> setelah solat Subuh pada awal waktu, Nabi dan rombongan melanjutkan perjalanan menuju *Mash'ar al-Ḥarām*. Di sini,

---

<sup>47</sup> Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 644; Al-Ḥasanī, *Nafaḥāt al-Islām min al-Balad al-Ḥarām*, 113-114.

<sup>48</sup> Al-'Asqalāni, *Bulūgh al-Marām*, 199.

<sup>49</sup> *Ibid.*, 201-202.

<sup>50</sup> Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 646-647; Abdullah Yasin, *Pedoman Haji dan Umrah Menurut Rasulullah*, 44.

<sup>51</sup> Al-'Asqalāni, *Bulūgh al-Marām*, 221.

baginda menghadap ke kiblat dan kemudian berdoa yang diikuti dengan takbir dan tahlil. Selepas memanjatkan doa, Nabi memasuki Mina dan menuju ke jamrah aqabah. Nabi melontar jamrah sebanyak tujuh kali dengan menggunakan batu kerikil yang disertai dengan ucapan takbir. Setelah itu, Nabi menuju ke tempat penyembelihan haiwan korban untuk menyembelih sebanyak 63 ekor binatang. Pada pagi hari Nahar itu juga Nabi menuju ke Makkah untuk melaksanakan tawaf *ifāḍah* dan solat Zohor. Sesudah itu, baginda mengunjungi sumur zamzam, berdoa dan meneguk airnya.<sup>52</sup> Nabi tidak melaksanakan *sa'i* lagi kerana beliau telah mengerjakannya ketika melakukan tawaf *quḍūm*.

Jābir r.a. dalam hadisnya mengenai perlaksanaan haji yang dijalankan oleh Rasulullah tidak menjelaskan mengenai kembalinya Nabi ke Mina untuk melempar jamrah pada hari-hari Tasyriq. Ia juga tidak menjelaskan mengenai tahalul yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW. Akan tetapi, dalam hadis yang lain, seperti yang dicatatkan oleh Imam Muslim, Jābir menyatakan bahawa Nabi melontar jamrah pada hari Nahar waktu Duha dan kembali melontar jamrah pada *zawāl*.<sup>53</sup> Sumber lain, misalnya Ibn 'Abbās, menjelaskan bahawa Rasulullah SAW melontar *al-Jumar* (jamak daripada perkataan *jamrah*) ketika matahari telah condong atau sesudahnya.<sup>54</sup> Yang dimaksudkan dengan *al-jumar* adalah *Jamrah al-Ūlā*, *Jamrah al-Wuṣṭā* dan *Jamrah al-'Aqabah* atau *Jamrah al-Kubrā*. 'Abd Allah bin 'Umar menyaksikan bahawa setelah selesai melontar jamrah yang pertama, baginda berhenti dan menghadap kiblat lalu mengangkat kedua tangannya sambil berdoa. Demikian pula yang dilakukan oleh Nabi setelah jamrah pertengahan. Ibn 'Umar juga memberitakan bahawa Nabi telah melakukan tahalul dengan mencukur rambut pada hari Nahar dan bermalam di Mina. Sebelum kembali ke Madinah, beliau terlebih dahulu

---

<sup>52</sup> Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 646-647; Al-Ḥasanī, *Nafaḥāt al-Islām min al-Balad al-Ḥarām*, 115-116.

<sup>53</sup> H.R. Muslim, dalam: Ibn Qayyim, *Tahdhīb Sunan Abī Dāwūd*, Kitab al-Manasik, Bab al-Ta'jīl min Jam'i, no. 1944.

<sup>54</sup> Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 733.

singgah di Masjid al-Ḥarām untuk melaksanakan tawaf *wadā'*. Akan tetapi, tiada keterangan yang jelas mengenai waktu Nabi Muhammad dan jemaahnya kembali ke Madinah setelah melaksanakan haji *wadā'* tersebut.<sup>55</sup>

### 2.3.2 Nilai Sejarah Ibadat Haji

Haji adalah satu-satunya ibadat dalam Islam yang memiliki corak sejarah. Ibadat ini merujuk kepada serangkaian peristiwa yang pernah dilakukan oleh Nabi Ibrāhīm a.s. dan keluarganya. Walaupun demikian, haji bukanlah suatu pengulangan dari apa yang telah dialami oleh *Khalīlullah* itu kerana sejarah adalah peristiwa yang unik dan berlangsung hanya sekali (*einmalig*). Pengulangan haji sesudah pelaksanaan yang pertama bukan lagi peristiwa sejarah, melainkan sebagai ibadat. Dengan demikian, haji yang dilaksanakan oleh Rasulullah bukan lagi suatu peristiwa sejarah, melainkan suatu ibadat, meskipun aspek sejarah masih terdapat di dalamnya<sup>56</sup>.

Sebagai ibadat, haji dilaksanakan dengan persyaratan tertentu serta lambang penghambaan kepada Tuhan. Ibadat haji, sebagaimana halnya ibadat yang lain mempunyai hikmah dan fungsi tertentu, baik bagi individu mahupun masyarakat. Peristiwa haji, sebagaimana peristiwa sejarah pada umumnya, mempunyai nilai tertentu bagi masyarakat.<sup>57</sup>

Makna atau hikmah yang merupakan nilai-nilai yang dapat dipetik dari sejarah itu adalah kesedaran sejarah yang dipindah dan diwariskan oleh pendidik sejarah kepada peserta didikannya. Ini kerana, tujuan mempelajari sejarah tidak sekadar untuk “mengetahui” tetapi lebih dari itu, iaitu “mewarisi” nilai-nilai sejarah itu sendiri. Demikian

---

<sup>55</sup> M. Shaleh Putuhena, *Historiografi Haji Indonesia*, 40.

<sup>56</sup> *Ibid.*, 57-58.

<sup>57</sup> Taufik Abdullah dan Abdurrachman Surjomihardjo, *Ilmu Sejarah dan Historiografi* (Jakarta: PT Gramedia, 1985), xxii-xxiii.

halnya dengan nilai-nilai sejarah haji, ia perlu diwarisi agar ibadat haji itu lebih bermakna dalam mengubah sikap dan perilaku orang yang mengerjakan haji sehingga mampu mencapai haji mabrur. Kesedaran sejarah dari peristiwa haji Nabi Ibrāhīm dan penerusnya Nabi Muhammad SAW akan ditelusuri melalui huraian berikut:

#### a. Peristiwa Tawaf

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, setelah selesai membangunkan Kaabah, Nabi Ibrāhīm bersama puteranya Isma'il dengan bimbingan Allah, melaksanakan haji yang dimulakan dengan tawaf. Tawaf adalah salah satu bentuk ibadat dan merupakan sebahagian dari ibadat haji yang dilaksanakan di Baitullah.

Tawaf itu mirip dengan solat dari segi pahala dan bukan dari segi hukum. Kerana berbicara dalam solat adalah batal, berbeza dengan tawaf.<sup>58</sup>

Shaykh Muḥammad bin Sāliḥ al-'Uthaymin mengatakan, “Yang benar, tawaf mengelilingi Kaabah bukanlah seperti solat. Tawaf adalah ibadat yang berdiri sendiri seperti halnya i'tikaf.”<sup>59</sup>

Selain itu, tawaf juga tercatat sebagai inti dari ibadat haji. Sebagai bukti, sebelum Nabi Ibrāhīm, haji dilaksanakan hanya dengan tawaf. Sementara pada zaman Nabi Muhammad, tawaf merupakan satu-satunya bahagian dari ibadat haji yang dikerjakan tiga kali, iaitu tawaf *qudūm*, tawaf *ifāḍah* dan tawaf *wadā'*. Pengulangan itu seakan-akan menunjukkan pentingnya tawaf dan menekankan pada pemantapan nilai sejarah tawaf itu bagi seorang haji. Nilai sejarah atau fungsi tawaf adalah ketika pertama kali ia

---

<sup>58</sup> Al-Shal'an, 'Alī bin Nāṣir. *Al-Nawāzil fī al-Ḥajj* (cet. 1, t.tp: Dar al-Tawḥīd, 1431 H), 319.

<sup>59</sup> Al-'Uthaymin, Muḥammad bin Ṣāleḥ, *al-Shahr al-Mumtī' 'alā Zād al-Mustaḥqni'* ( cet. ke-1, Madinah: Muassasah A-Sam, 1421 H./2001 M.), 7:261.

diperintahkan Allah. Menurut sebahagian ulama, perintah tawaf pertama kali turun kepada para malaikat sebagai medium untuk bertaubat kepada Allah.<sup>60</sup> Dengan maksud yang sama, bertaubat kepada Allah. Nabi Adam diperintahkan oleh Allah untuk membuat bangunan yang sama dengan Bayt al-Ma'mūr di bumi yang kini disebut sebagai Kaabah dan kemudian diperintahkan untuk melaksanakan tawaf.<sup>61</sup> Demikian pula Nabi Ibrāhīm, ia diperintahkan oleh Allah untuk membangunkan kembali Kaabah dan menyeru kepada umat manusia supaya datang ke Kaabah dan bertawaf untuk bertaubat kepada Allah. Sedangkan bagi Nabi Ibrāhīm dan Isma'il, tawaf itu bernilai *shukr Allah* (ungkapan syukur kepada Allah kerana telah selesai membangunkan kembali Kaabah). Bersyukur atas nikmat Allah adalah suatu nilai moraliti yang sangat dihargai, dan sebaliknya, mengingkari nikmat-Nya termasuk sikap yang sangat dicela oleh Allah. Sementara itu, menurut 'A'ishah, isteri Rasulullah, tawaf dimaksudkan untuk *dhikr Allah* (selalu ingat kepada Allah),<sup>62</sup> dan agar selalu berusaha untuk dekat kepada Allah (*taqarrub ila Allah*). Demikianlah, terdapat tiga nilai penting tawaf yang merupakan nilai utama haji, iaitu sentiasa bertaubat kepada Allah, selalu merasa dekat dengan Allah dan sentiasa bersyukur atas nikmat Allah.

#### b. Peristiwa Sa'i

Latar belakang sejarah adalah peristiwa pencarian air oleh Hajar, isteri Nabi Ibrāhīm, untuk puteranya, Isma'il. Menurut Islam, pada saat Hajar dan Isma'il yang masih kecil ditinggalkan oleh Nabi Ibrāhīm dan mereka telah kehabisan bekalan air. Pada saat

---

<sup>60</sup> Pendapat para ulama itu merupakan pentafsiran mereka terhadap ayat al-Quran yang memaklumkan tentang bantahan para Malaikat terhadap maksud Allah untuk menjadikan manusia sebagai khalifah di bumi. Mereka merasa berdosa dengan bantahan itu dan kemudian mereka bertaubat kepada Allah. Untuk itu, Allah memerintahkan para Malaikat untuk bertawaf mengelilingi Bayt al-Ma'mūr. Pentafsiran tersebut terdapat dalam al-Azraqī, *Akhhār Makkah*, 33-34.

<sup>61</sup> Pendapat tersebut sebagai pentafsiran terhadap ayat al-Quran yang memaklumkan tentang pelanggaran Nabi Adam dan Hawa terhadap perintah Allah untuk tidak mendekati pohon khuldi. Dengan tindakan itu, Adam merasa berdosa sehingga akhirnya mereka berdua memohon ampun kepada Allah. (*Ibid.*, 36-37).

<sup>62</sup> Al-Bashā, Ibrāhīm Rafā'at, *Mir'ah al-Harāmayn* (Bairut: Dār al-Ma'rifah, t.t.), 1:139.

itulah Hajar mencari air dengan berulang-alik antara dua bukit *Ṣafā* dan *Marwah* yang letaknya tidak terlalu jauh dari tempat puteranya ditinggalkan. Peristiwa itu dijadikan sebagai sebahagian dari *manāsik* haji Nabi Ibrāhīm dan kemudiannya juga oleh Nabi Muhammad<sup>63</sup>.

*Sa'i* yang dilaksanakan dengan berlari-lari antara bukit *Ṣafā* dan *Marwah* merupakan lambang dari nilai ijtihad, keras dan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan rezeki dari Allah. *Sa'i* adalah lambang dari kesungguhan yang mesti dimiliki oleh setiap orang yang ingin berjaya dalam kehidupan dunianya. Selain itu, dari peristiwa *sa'i* dapat dipetik juga nilai ketekunan dan kegigihan dalam setiap usaha serta ketabahan dan kesabaran dalam menghadapi setiap tentangan. Ada satu nilai lagi yang mendasari semua nilai terdahulu, iaitu cinta terhadap anak.<sup>64</sup> Keseluruhan nilai itu telah diperlihatkan oleh Hajar, perempuan yang mesti membesarkan puteranya dari dugaan yang cukup besar.<sup>65</sup>

### c. Peristiwa Melontar Jamrah

Dalam rangka melaksanakan haji, Nabi Ibrāhīm tiba di Mina dalam perjalanan menuju Arafah. Di sini, menurut beberapa sumber yang kurang boleh dipertanggungjawabkan (*da'if*), Nabi Ibrāhīm, digoda oleh syaitan untuk tidak melaksanakan haji. Bagi melawan syaitan, Jibril a.s. memerintahkan Nabi Ibrāhīm untuk bertakbir sambil melontar syaitan yang berada di jamrah aqabah dengan tujuh buah batu

---

<sup>63</sup> Abdul Raof Dalif, *Pengajaran Dari Kisah Nabi* (cet. 2, Selangor Darul Ehsan: Progressive Products Supply, 1994), 25-26.

<sup>64</sup> M. Shaleh Putuhena, *Historiografi Haji Indonesia*, 60-61.

<sup>65</sup> Lihat: *Patunabandung.com – Haji adalah ibadah yang sangat mulia*.

kerikil. Demikian halnya dengan syaitan yang berada di *Jamrah al-Ūlā* dan *Jamrah al-Wustā* sehingga makhluk musuh manusia itu pun menghilang.<sup>66</sup>

Demikianlah, makna dari simbol melontar jamrah adalah perlawanan terhadap syaitan yang selalu menjerumuskan manusia untuk berbuat kejahatan dan mencegah untuk berbuat kebaikan. Manusia tidak boleh menyerah kepadanya. Jadi, kecekalan dan kegigihan dalam menghadapi setiap tantangan dan hambatan adalah nilai yang hendaklah dihayati dari melontar jamrah tersebut. Suatu nilai lain yang dapat dihayati dari melontar jamrah itu adalah pengusiran syaitan yang bersarang dalam diri manusia itu sendiri. Setiap batu yang dilempar keluar adalah simbol dari keluarnya syaitan dari dalam diri yang melontar itu. Syaitan yang berada dalam tubuh manusia berupa hawa nafsu adalah musuh yang paling besar<sup>67</sup>.

#### d. Peristiwa Penyembelihan Binatang Korban

Mengikuti keyakinan umat Islam, penyembelihan binatang korban berasal daripada perintah Allah kepada Nabi Ibrāhīm untuk menyembelih puteranya, Isma'il. Kedua, hamba Allah yang taat itu telah rela untuk mengikuti perintah dari penciptanya. Akan tetapi, ketika Nabi Ibrāhīm hendak melaksanakan perintah Allah tersebut, tiba-tiba Isma'il digantikan oleh Allah dengan seekor binatang sembelihan yang besar.<sup>68</sup>

Melalui peristiwa yang dianggap sebagai cubaan terbesar bagi Nabi Ibrāhīm, Allah mengungkapkan beberapa nilai luhur dari keperibadian dua hamba Allah yang patut dijadikan contoh bagi mereka yang berbuat baik. Antara nilai-nilai itu adalah ketakwaan

---

<sup>66</sup> Al-Bashā, *Mir'ah al-Harāmāyn*, 137.

<sup>67</sup> Lihat: [http:// www. Patunabandung.com](http://www.Patunabandung.com) – *Haji adalah ibadat yang sangat mulia*.

<sup>68</sup> Abdul Raof Dalif, *Pengajaran Dari Kisah Nabi*, 26.

dan keikhlasan yang diperlihatkan oleh ayah (Ibrāhīm) dan puteranya (Isma'il) dalam melaksanakan perintah Allah untuk mewujudkan kedua nilai tersebut. Keduanya bersedia mengorbankan sesuatu yang paling dicintai. Sebagai manusia, bukankah Isma'il sangat mencintai diri dan jiwanya? Begitu juga dengan Ibrahim. Sebagai seorang ayah, bukankah ia sangat mencintai Isma'il yang kehadirannya sangat diharapkan dan realisasi dari doanya kepada Allah? Penyembelihan binatang korban adalah satu lambang bagi penyembelihan sifat-sifat kebinatangan yang bertempat pada diri manusia, seperti serakah, egois dan lain-lain. Sifat-sifat kebinatangan itu dapat menghalang manusia untuk bertakwa kepada Allah.

Setelah binatang korban disembelih, dagingnya dibahagikan kepada fakir dan miskin serta mereka yang memerlukannya. Oleh yang demikian, ada dua makna lain dari penyembelihan binatang korban, iaitu kepedulian individual dan kepedulian sosial. Takwa adalah wujud dari kepedulian individual untuk kepentingan dan keselamatan diri sendiri. Sedangkan pemberian daging korban kepada yang memerlukan adalah wujud dari kepedulian sosial. Kedua-duanya diperlukan secara seimbang oleh seorang manusia untuk keselamatan dan kedamaian hidup serta kehidupan orang lain.<sup>69</sup>

#### e. Peristiwa Wuquf di Arafah

Ketika pertama kali melaksanakan haji, Nabi Ibrāhīm masih belum bertemu dengan banyak orang yang datang untuk melaksanakan hal yang sama. Akan tetapi, menurut anggapan kolektif umat Islam, khasnya di Indonesia, Arafah adalah tempat pertemuan Nabi Adam dan Hawa, nenek moyang umat manusia. Arafah adalah sebuah simbol pertemuan anak cucu Nabi Adam dan Hawa. Yang jelasnya, dalam wuquf di Arafah itu, telah terjadi pertemuan dan perkenalan antara anak cucu Adam dan Hawa yang datang dari penjuru

---

<sup>69</sup> M. Shaleh Putuhena, *Historiografi Haji Indonesia*, 63.

dunia. Dalam proses pelaksanaan haji, hanya wuquf di Arafah sahaja yang merupakan momentum untuk pertemuan seluruh jemaah haji pada waktu dan tempat yang sama. Sedangkan dalam bahagian lain dari proses haji, jemaah dibolehkan untuk tidak berada bersama-sama pada satu tempat dan waktu tertentu. Wuquf adalah simbol persamaan antara umat manusia iaitu persamaan simbol-simbol fizik dan persamaan kegiatan dalam beribadat. Dengan persamaan itu diharapkan akan muncul rasa persaudaraan antara sesama manusia, anak cucu Adam. Selain menjadi tempat pertemuan, Arafah adalah simbol pengenalan terhadap diri sendiri. Tatkala wuquf, selain doa dan zikir kepada Allah, pemikiran dan renungan untuk mengenal diri sendiri juga diperlukan. Mengenal diri sendiri melalui muhasabah terhadap kesalahan dan dosa yang pernah dilakukan, terhadap waktu yang mungkin telah dilalui dengan sia-sia tanpa amal salih dan terhadap harta yang telah dihabiskan untuk hal-hal yang tidak bermanfaat serta terhadap mereka yang pernah dizalimi. Akhir dari muhasabah itu adalah taubat dan istighfar. Ketika di Arafah, jemaah yang sedang melaksanakan wuquf mengerjakan solat secara berjemaah. Kemudian berdoa dan berzikir secara sendirian. Hal itu menunjukkan bahawa dalam hidup ini diperlukan tiga kesedaran secara bersama, iaitu kesedaran terhadap Tuhan, kesedaran terhadap diri sendiri dan kesedaran terhadap sesama manusia. Akhir dari perjalanan haji adalah perubahan ke arah yang lebih baik dalam beramal, bersikap dan berperilaku sebagai tanda diterimanya haji seseorang oleh Allah (*hajjan mabrūran*)<sup>70</sup>.

---

<sup>70</sup> Lihat: *Patunabandung.com – Haji adalah ibadat yang sangat mulia.*

## 2.4 SEJARAH HAJI DI INDONESIA

Sejarah haji di Indonesia memiliki fasa yang cukup panjang dan memiliki liku-liku sejarah perjalanan yang cukup menarik untuk dikaji. Kerana ianya berlaku ketika pemerintahan Belanda kaum kafir yang tidak mengenal ertinya kewajipan yang mesti ditunaikan oleh seorang muslim.

Dari abad ke abad pelaksanaan perhajian di Indonesia mengalami perubahan demi perubahan ke arah yang lebih baik. Bermula dari pengangkutan dengan kapal laut yang hanya menumpang Kapal Belanda atau kapal yang kebetulan singgah di Kepulauan Indonesia sehinggalah mempunyai kapal milik persendirian oleh salah seorang saudagar kaya yang berasal dari Makassar yang mengangkut para jemaah haji yang pada saat itu masih sangat sedikit dengan kadar bayaran tertentu. Demikian pula setibanya di negeri Hijaz dengan layanan yang sangat minimum, baik dari segi pengangkutan, penginapan, bimbingan dan sebagainya semuanya serba sederhana. Oleh kerana susahnyanya mendapatkan kemudahan terutama sekali dari segi pengurusan, maka akhirnya ramai para jemaah yang memutuskan untuk tinggal di kedua negeri suci tersebut iaitu Makkah dan Madinah. Ada yang sifatnya sementara seperti untuk menuntut ilmu, berniaga malah ada yang memutuskan untuk tinggal di sana sebagaimana yang disebut sebagai “*muqimīn*.”

Setelah abad ke-20 atau sejarah pra-pasca kemerdekaan, Indonesia mempunyai wawasan yang berbeza. Pada zaman penjajah mengandungi wawasan politik yang sangat kental, kerana dari satu segi untuk mengambil simpati kaum muslimin Indonesia, dan dari segi yang lain untuk mengendalikan para jemaah haji agar tidak merugikan kepentingan kolonial. Sedangkan pada zaman kemerdekaan pengaturan penyelenggaraan haji dimaksudkan untuk memberi kemudahan dan perlindungan terhadap jemaah haji. Namun

begitu dari waktu ke waktu penyelenggaraan haji tersebut tetap ada masalah. Persoalan itu pada umumnya disebabkan oleh pihak-pihak yang ingin mengambil keuntungan pribadi atau kelompok, baik melalui penipuan, pemerasan, penyimpangan dari ketentuan yang berlaku atau cara-cara lain yang merugikan jemaah.

#### **2.4.1 Sejarah Awal Pelaksanaan Ibadat Haji di Indonesia**

Mengenai bilakah umat Islam di Indonesia mula menunaikan haji tidak diketahui secara pasti. Tetapi menurut literature sejarah, ianya bermula semenjak Islam masuk ke Indonesia pada sekitar abad ke-12 M., yang mana dilaksanakan secara perorangan dan kelompok dalam jumlah yang kecil serta belum dilaksanakan sejarah besar-besaran. Semenjak berdirinya kerajaan Islam di Indonesia, perjalanan haji mula dilaksanakan secara rutin setiap tahun dan semakin meningkat jumlahnya setelah berdirinya kerajaan Pasai di Aceh pada tahun 1292<sup>71</sup>.

Bermula dari perdagangan yang berkembang hingga ke negeri Arab, sudah ramai muslim Nusantara yang boleh melaksanakan haji. Walaupun proses yang dilalui sangat sulit dan mesti berhadapan dengan pelbagai halangan, umat Islam pada abad XVI tetap bertekad boleh melaksanakan haji melalui medium perdagangan.

Memasuki abad XVII, mereka semakin termotivasi untuk melaksanakannya. Pada abad ini, medium yang digunakan tidak lagi dengan cara berdagang, tetapi dengan menuntut ilmu.

---

<sup>71</sup> M. Shaleh Putuhena, *Historiografi Haji Indonesia*, 91, 92; [Abdulhadimulyaramadhan.blogspot.com](http://Abdulhadimulyaramadhan.blogspot.com).

Perlaksanaan haji pada kurun tersebut menerusi medium berdagang dan menuntut ilmu merupakan strategi umat Islam agar terhindar dari pelbagai aturan ketat penguasa Hindia Belanda yang pada saat itu melarang menunaikan haji. Akan tetapi, masuk abad XVIII dan XIX, pelaksanaan haji tidak lagi menggunakan medium berdagang mahupun menuntut ilmu. Umat Islam sudah terang-terangan mengisytiharkan niat hajinya semenjak awal. Hal ini tidak lepas dari kebijakan politik yang berkembang pada abad ini, di mana Pemerintah Hindia Belanda juga mempunyai kepentingan mengembangkan perekonomian negaranya melalui manfaat pelaksanaan haji. Saat itu, umat Islam selalu bertembung dengan halangan pengangkutan ketika berusaha melaksanakan haji. Masalah ini ternyata dijadikan sebagai peluang Belanda menyediakan alat pengangkutannya.<sup>72</sup>

Selain itu, perjalanan haji abad XIX juga telah memberi pengaruh kepada pertumbuhan ekonomi rakyat desa melalui kesungguhan dan kerja kerasnya. Maka, strategi pengembangan ekonomi yang dilakukan pemerintah Hindia Belanda melalui pemanfaatan pelaksanaan haji menjadi peristiwa penting dan kesempatan yang paling tepat (*sustainable*).<sup>73</sup>

Oleh kerana itu, ibadat haji merupakan kegiatan tahunan yang akan tetap berlangsung selama-lamanya. Maka, hal ini sekali gus memberi harapan kepada pemerintah Hindia Belanda untuk tetap menyediakan kemudahan pengangkutan keberangkatan, dengan motivasi pengembangan ekonomi.

Dari sudut yang lain, semakin terbukanya akses umat Islam menunaikan ibadat haji pada abad XVIII dan XIX ternyata memunculkan sikap cemburu sosial (*ambiguous*) di

---

<sup>72</sup> Lihat masalah ini selengkapnya dalam: M. Shaleh Putuhena, *Historiografi Haji Indonesia*, vi-vii.

<sup>73</sup> *Ibid.*, vii.

kalangan penguasa Hindia Belanda kerana adanya andaian yang menyatakan bahawa orang yang melaksanakan haji akan menjadi kelompok tandingan dalam masyarakat. Oleh kerana itu, pada abad XIX, pemerintah Hindia Belanda mula berusaha menghalang dan mempersulit kembali umat Islam yang ingin menunaikan ibadat haji.

Ketika itu, pemerintah Hindia Belanda dilanda sebuah kebimbangan besar jika kelompok haji ini berhasil mempengaruhi masyarakat Ia akan mengancam kestabilan kekuasaan yang selama ini sudah dibangunkan mereka.<sup>74</sup>

Mencermati larangan pelaksanaan ibadat haji oleh pemerintah Hindia Belanda dan sejarah pelaksanaan ibadat haji yang terjadi pada abad XV sehingga pertengahan pertama abad XX semakin menguatkan jangkaan awal bahawa boleh melaksanakan haji, seseorang bukan sahaja harus memiliki kemampuan yang bersifat dalaman (*internal*), tetapi juga harus didukung oleh faktor luaran (*eksternal*), seperti persoalan politik dan keamanan. Dalam hal ini, dukungan yang bersifat luaran tersebut saling bertembung dalam proses pelaksanaan ibadat haji pada abad-abad tersebut.<sup>75</sup>

#### **2.4.2 Haji Sebelum Abad ke-20**

Pada awal permulaan pelaksanaan ibadat haji dan pengurusannya terhadap jemaah adalah sangat sederhana dan penuh dengan cabaran yang tentunya sangat memerlukan kesabaran, baik yang berkaitan dengan birokrasi, pengangkutan mahupun kepengurusan

---

<sup>74</sup> *Ibid.*, vii.

<sup>75</sup> *Ibid.*, viii.

setelah jemaah berada di negeri Hijaz. Justeru, dalam perbincangan ini, pengkaji akan membincangkan perkara-perkara yang berlaku dalam urusan haji sebelum abad XX.

#### **2.4.2.1 Permulaan Haji**

Pada mulanya, jemaah haji Nusantara menunaikan ibadat haji melalui dua jalan, sama ada melalui jalur perdagangan dan diplomasi ataupun menuntut ilmu. Maka, para jemaah di samping niatnya untuk berniaga mencari keuntungan dengan membawa dagangan dari daerah masing-masing, mereka juga berkesempatan melaksanakan ibadat haji apabila tiba musim haji, atau sebaliknya mereka berniat untuk menunaikan haji, tapi dalam masa yang sama mereka berkesempatan untuk berniaga. Demikian pula para pelajar yang berniat menuntut ilmu. Pada saat itu kota Makkah dan Madinah sememangnya merupakan pusat keilmuan Islam terbesar di dunia yang menjadi tumpuan para pelajar untuk memperdalam ilmu dan pengetahuan agama setelah mereka menyelesaikan pengajiannya di daerah atau negara asal mereka. Apabila tiba musim haji mereka juga dapat menunaikan rukun Islam yang kelima.

##### **2.4.2.1.1 Perdagangan dan Diplomasi**

Siapa dan bilakah bermulanya penduduk Nusantara yang pertama menunaikan ibadat haji ke Makkah tidak ditemukan sumbernya. Dari sumber-sumber yang ada dapat diketahui bahawa mereka yang pertama kali melaksanakan haji bukan jemaah haji, melainkan para pedagang, utusan sultan dan para musafir penuntut ilmu. Nampaknya semenjak abad XVI sehingga abad XVII mereka telah berkunjung ke Hijaz untuk melaksanakan pekerjaan masing-masing sambil melaksanakan ibadat haji.

Semenjak permulaan abad XVI dan ketika arus pelayaran perdagangan dari Timur Tengah ke Nusantara mula surut akibat serangan Armada perdagangan Portugis di Samudera India, arus perdagangan dari Nusantara melalui Samudera India baharu bermula. Dengan demikian, peranan pedagang Arab yang sebelumnya mendominasi jalur perdagangan Samudera India, beralih ke tangan pedagang Nusantara. Boleh jadi, apa yang diperdagangkan di Antwerp pada pertengahan pertama abad XVI – yang ternyata masih berasal dari Mediteranian dan pada 1554 pedagang Venesia<sup>76</sup> masih membeli rempah-rempah dari Iskandariah<sup>77</sup> – adalah komoditi yang telah diperdagangkan oleh para pedagang Nusantara sebelumnya. Sementara itu, pusat pelayaran perdagangan ke Barat, yang berkedudukan semula di Melaka, semenjak kota ini ditakluki oleh Portugis 1511 M., berpindah ke Aceh. Posisi Aceh bertambah kuat kerana hubungannya dengan Turki Uthmani dianggap sebagai pemimpin spiritual. Sesuai dengan tradisi politik klasik Islam, bagi pemerintahan Islam seluruh dunia. Sedangkan sebagai Sultan, ia menjadi penguasa bagi rakyatnya. Dengan memanfaatkan hubungan itu, Aceh meninggalkan hubungan politik dan perdagangan dengan Turki. Hubungan perdagangan yang lancar antara Aceh dan Turki ditandai dengan adanya Armada perdagangan di Jeddah. Sebuah sumber Venesia melaporkan bahawa pada 1556 dan 1566M., terdapat lima buah kapal dari Aceh yang berlabuh di Jeddah.<sup>78</sup>

Sesungguhnya, pada permulaan abad XVI telah dijumpai peribumi Nusantara di Makkah yang kemungkinan besar mereka adalah pedagang yang datang dengan kapalnya sendiri. Jemaah haji yang dijumpai oleh Louis Barthelemy di Makkah pada 1503M.,

---

<sup>76</sup> Venesia adalah sebuah Negara kota yang berbentuk republik yang dipimpin oleh seorang Doge. Venesia mula dipimpin oleh para Doge semenjak tahun 697 M. Beberapa Doge yang ternama dari Venesia adalah Giovanni Bembo dan Henricus Dandolo. (Republika, *Akulturas Islam dan Barat di Venesia*, Warta Volume XIX No. 1, Perpustakaan Nasional Republik Indonesia, 2014).

<sup>77</sup> P.M. Holt, ed., *The Cambridge History of Islam*, 1:332.

<sup>78</sup> Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII* (Jakarta: Mizan, 1994), 50-51.

berkemungkinan besar adalah orang-orang Nusantara yang pertama kali melaksanakan haji. Akan tetapi mereka bukan jemaah haji yang sengaja berangkat dari Nusantara untuk melaksanakan ibadah haji. Mereka adalah pedagang dan pelayar yang berlabuh di Jeddah dan berkesempatan untuk berkunjung ke Makkah. Tidak mustahil pelayar dan pedagang dari lima buah kapal yang berlabuh di Jeddah pada 1565 dan 1566M. tersebut telah melaksanakan haji.<sup>79</sup>

Menurut sumber-sumber tradisional Jawa, Nurullah yang kemudian lebih dikenali dengan sebutan Syarif Hidayatullah atau Sunan Gunung Jati, berangkat ke Makkah setelah kota kelahirannya, Pasai ditakluki oleh Portugis pada 1521M. Ia berada di Kota Suci itu selama tiga tahun dan telah melaksanakan rukun Islam yang kelima. Setelah kembali dari Makkah, ia berangkat ke Demak untuk bersama dengan penguasa setempat menyerang kerajaan Hindu-Buddha, iaitu Pajajaran di Banten dan merebut pelabuhan utamanya, Sunda Kelapa.<sup>80</sup> Memerhatikan keadaan saat itu, keberangkatan Nurullah ke Makkah adalah sebagai diplomat untuk meminta bantuan Turki Uthmani agar mengusir Portugis dari Pasai. Pada waktu itu, Makkah telah berada dalam kekuasaan Turki Uthmani. Meskipun Nurullah adalah utusan pemerintah selama di Makkah, ia berkesempatan untuk mempelajari agama Islam.<sup>81</sup>

---

<sup>79</sup> M. Shaleh Putuhena, *Historiografi Haji Indonesia*, 106.

<sup>80</sup> M.C. Ricklefs, *A History of Modern Indonesia* (London: The Macmillan Press Ltd, 1983), 34; H.J. de Graaf dan Th. G. Th. Pigeaud, *Kerajaan-kerajaan Islam Pertama di Jawa* (Jakarta: P.T. Grafiti Press, 1985), 56.

Menurut buku "*Babad Tanah Sunda Babad Cirebon*," Syekh Syarif Hidayatullah adalah putera dari Raja Mesir Syarif Abdullah. Pada waktu isteri beliau Syarifah Muda'im (Rara Santang) puteri Raja Pajajaran hamil tujuh bulan, sang raja dan rombongan ziarah ke Makkah untuk menunaikan ibadah haji. Kemudian pada 12 Rabi' al-Awwal 1448 M, setelah Subuh Syekh Syarif Hidayatullah dilahirkan. Lihat: Sulendraningrat *Babad Tanah Sunda Babad Cirebon* (t.tp.: t.p., t.t.), 20; Sangadiah Bani 'Ajib al-Misri, *Sekilas Ultra Sejarah Wali Sanga dan Penggantinya* (t.tp.: t.p., t.t.), 6.

<sup>81</sup> Kerajaan Islam yang berdiri pada abad XVI dan XVII biasanya meminta legitimasi atau pengiktirafan dari pemerintah Turki Uthmani dengan memberikan gelaran sultan. Legitimasi itu diperoleh melalui seorang utusan yang dikirim ke Makkah yang mana penguasaannya berhak untuk memberikan gelaran sultan atas nama penguasa Turki Uthmani. Dengan demikian, sambil melaksanakan tugas diplomatik, utusan tersebut berkesempatan untuk melaksanakan ibadah haji.

Demikianlah, haji Nusantara telah bermula pada awal abad XVI. Selama abad itu, ia dilaksanakan oleh para pedagang dan diplomat. Mereka pergi ke Hijaz dengan maksud untuk berdagang atau melaksanakan tugas dari pemerintahnya. Mereka juga memiliki kesempatan untuk melaksanakan ibadat haji. Mereka kemudiannya dianggap sebagai pedagang angkatan perintis haji Indonesia.

#### 2.4.2.1.2 Perantau Penuntut Ilmu

Pada abad XVII, mula terdapat orang Nusantara yang berkunjung ke Hijaz dengan niat untuk belajar di Makkah dan Madinah. Sesungguhnya, merantau untuk menuntut ilmu merupakan suatu tradisi keilmuan dalam Islam yang telah berlangsung semenjak awal lagi. Kemungkinan tradisi keilmuan ini terbentuk daripada motivasi Rasulullah SAW yang telah menetapkan bahawa menuntut ilmu adalah suatu kewajipan bagi setiap muslim dan muslimah meskipun ilmu itu berada di negeri yang jauh lagi kafir. Selain itu, sebagaimana yang diperlihatkan dalam sejarah Islam, seiring dengan pertumbuhan dan penyebaran Islam, muncul pula pusat-pusat ilmu pengetahuan dalam dunia Islam.

عن أنس بن مالك، قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: اطلبوا العلم ولو بالصَّيْنِ، فَإِنَّ طَلَبَ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ.

Ertinya: “*Dari Anas bin Mālik, telah berkata Rasulullah SAW: Tuntutlah ilmu sehingga ke negeri China, kerana sesungguhnya menuntut ilmu adalah wajib bagi setiap orang muslim.*”<sup>82</sup>

---

<sup>82</sup> H.R Imam al-Bayhaqī dalam kitab *Sha'b al-Īmān*, no. 1663, dan disebutkan oleh Ibn al-Jawzī dalam kitab *al-Mawdū'āt*, no. 428.

Sebagai dasar utama kegiatan ilmiah ini, Rasulullah SAW telah menyelenggarakan majlis taklim dan halaqah dalam masjidnya di Madinah. Setelah Rasulullah wafat, kegiatan majlis taklim dan halaqah itu dilanjutkan oleh para sahabatnya. Dengan demikian, Madinah menjadi pusat pembelajaran Islam selama masa pemerintahan Muhammad SAW (1-11H./622-632 M.) dan masa pemerintahan *Khulafā' al-Rāsyidīn* (11-41H./632-661M.). Pada masa pemerintah *Bānī Umayyah* (41-132H./661-750M.), Makkah menjadi salah satu pusat pembelajaran Islam berikutan susulan perpindahan beberapa sahabat utama dari Madinah ke Makkah agar terhindar dari pergolakan politik yang terjadi di kota itu pada masa *Khulafā' al-Rāsyidīn* dan sesudahnya. Seiring dengan tersebar Islam ke beberapa wilayah, muncul pusat-pusat ilmu pengetahuan yang baharu, seperti Kufah, Basrah, Baghdad, Kaherah dan Cordova. Meskipun demikian, kedua kota suci umat Islam itu (Makkah dan Madinah) tetap menjadi pusat pembelajaran agama Islam, terutamanya dalam bidang hadis, fiqh, tafsir dan tarikat yang menjadi daya penarik bagi seorang muslim yang berhasrat mendalami ilmu keislaman tersebut.<sup>83</sup>

Sebagaimana yang terjadi di Timur Tengah, penyebaran Islam dalam suatu wilayah hampir selalu disertai dengan munculnya pusat pembelajaran Islam di daerah baharu tersebut. Fenomena seperti ini terjadi juga di Nusantara. Semenjak Islam masuk ke dalam struktur masyarakat Nusantara yang bermula di daerah Pasai pada abad VII H./XIII M., bermula pembentukan lembaga pembelajaran Islam yang pada mulanya bertempat di Masjid Kesultanan. Sebagaimana maklum, bIbn Baṭūṭah yang pernah berkunjung ke Samudera Pasai menceritakan mengenai sultannya yang sangat dihormati dan dimuliakan serta gemar menghadiri majlis ulama dan perbincangan mereka. Berkemungkinan para ulama itu berasal dari Arab atau boleh jadi para pedagang asing lainnya. Tome Pires

---

<sup>83</sup> M. Shaleh Putuhena, *Historiografi Haji Indonesia*, 108.

mencatat bahawa di Pasai terdapat sejumlah besar pedagang asing, terutama sekali dari Bengal, Gujarat, Persia dan Arab yang kaya raya, makmur dan memiliki rumah besar. Di sini mereka bersedia bersama ulamanya masing-masing.<sup>84</sup> Semenjak abad XIII, Pasai sememangnya telah menjadi pusat perdagangan dan pendidikan Islam dan terus berkembang sehingga kedatangan bangsa-bangsa Barat pada abad XVII.

Sebagai Pusat Pendidikan Islam, Pasai banyak mengutus para ulama ke beberapa daerah di Nusantara. Selain itu, Pasai juga banyak menubuhkan lembaga-lembaga pendidikan sehingga ramai pelajar dari daerah lain datang untuk belajar di kota ini. Oleh yang demikian, sebahagian putera-putera pembesar istana -setelah mereka selesai pendidikan Islam di Pasai- banyak yang ditugaskan untuk mengajarkan Islam di daerah lain, seperti Fatahillah. Begitu juga Syeikh Awwal al-Islam Maulana Ishak, bersama Ibrahim Asmorokandi, kedua penyebar Islam di Jawa adalah putera-putera dari Sultan Pasai.<sup>85</sup> Raden Paku, anak Maulana Ishak, selepas memperoleh pendidikan dari ayahnya di Pasai berangkat ke tanah Jawa untuk mengajar di daerah Giri sehinggalah beliau masyhur dengan nama Sunan Giri.

Semenjak saat itu, Lembaga Pendidikan Islam di Pasai menjadi masyhur sehingga orang-orang Islam dari daerah lain berkunjung untuk menuntut ilmu di sana. Para alumni dari Lembaga Pendidikan Islam di Pasai ini kemudiannya menubuhkan lembaga pendidikan yang serupa di daerahnya. Oleh kerana itu, muncul pusat-pusat Pendidikan Islam di beberapa kota di Nusantara. Oleh yang demikian, tradisi keilmuan seperti bermusafir

---

<sup>84</sup> Dikutip oleh Rita R. Di Meglio, "Arab trade with Indonesia and the Malay Peninsula from the 8<sup>th</sup> Century," dalam *Islam: The Trade of Asia*, ed. Richard (t.tp.: t.p., t.t.), 119.

<sup>85</sup> *Ibid.*, 85.

menuntut ilmu dari satu guru ke guru yang lain, dari satu lembaga ke lembaga yang lain, dan dari satu daerah ke daerah yang lain juga wujud di Nusantara.

Dari sejumlah orang yang tercatat telah melaksanakan ibadah haji pada abad XVII pada umumnya adalah terdiri dari mereka yang bermaksud melanjutkan pembelajarannya di Hijaz. Antara mereka adalah Muhammad Yusuf (1306-1379H./1626-1699M.) yang lebih dikenali dengan sebutan Shaykh Yusuf. Ia adalah seorang ulama tarikat, pengkaji dan pejuang yang berasal dari Gowa dan lahir di sana.<sup>86</sup>

Ulama lain yang ikut merantau untuk menuntut ilmu sambil melaksanakan haji adalah Abdurrauf Singkel (1035-1105H./1615-1693M.). Beliau memiliki ramai murid. Antara yang masyhur ialah Syeikh Burhanuddin Ulakan dan Abdul Muhyi.(35, 37). Murid lain dari Syeikh Abdurrauf adalah Abdul Malik bin Abdullah yang lebih dikenali dengan Tok Ku Pulau Manis (1089-1149H./1678-1736M.). Beliau adalah murid terkemuka Syeikh Abdurrauf yang berasal dari Semenanjung Melayu.<sup>87</sup> Dawud al-Jawi al-Rumi adalah termasuk murid kesayangan dan khalifah utama Syeikh Abdurrauf.<sup>88</sup> Lzimmnya, setelah mereka menuntut ilmu di Nusantara mereka akan melanjutkan pengajian ke Haramain sebagai pusat keilmuan ketika itu sambil menunaikan ibadah haji.

Perjalanan ke Makkah dan Madinah untuk menuntut ilmu dan melaksanakan ibadah haji pada abad XVII juga terlihat pada perjanjian perdamaian antara VOC dengan Amangkurat, Raja Mataram, pada 24 September 1646M./13 Ramadan 1056H. Dalam perjanjian itu disepakati bahawa jika Kerajaan Mataram bermaksud mengirim ulamanya ke Verre Landen (negeri yang jauh) untuk meningkatkan pengetahuan agamanya, maka

---

<sup>86</sup> Abu Hamid, *Syeikh Yusuf Seorang Ulama dan Pejuang* (Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, t.t.), 86-87.

<sup>87</sup> Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah*, 210.

<sup>88</sup> M. Shaleh Putuhena, *Historiografi Haji Indonesia*, 119.

mereka dapat diangkut dengan kapal VOC. Kesepakatan ini dilaksanakan menyusul pengangkutan utusan Mataram ke Makkah oleh Inggeris.<sup>89</sup> Meskipun tidak disebutkan secara terperinci (*explicit*), yang dimaksudkan dengan *verre Landen* (negeri yang jauh), dalam perjanjian itu adalah Makkah. Dengan demikian, dapat difahami bahawa pada abad XVII, kerajaan Mataram telah mengirim utusan untuk belajar di Haramain dan sudah tentu juga untuk melaksanakan ibadat haji.

Demikianlah dari sumber-sumber yang dapat memberikan gambaran yang cukup jelas bahawa ibadat haji sepanjang abad XVII masih berlangsung secara berkala (*sporadic*). Ketika itu belum ramai orang yang menunaikan ibadat haji. Pada umumnya, mereka yang mengunjungi Haramain pada waktu itu adalah para musafir penuntut ilmu yang kemudian memanfaatkan kesempatan di negeri Makkah untuk menunaikan haji. Ini disebabkan oleh lemahnya pemahaman dan pengenalan penduduk terhadap ajaran Islam. Terutama sekali berkaitan ibadat haji. Selain itu, kurangnya pengalaman mereka melakukan perjalanan ke negeri yang jauh, dan juga kesulitan untuk mendapatkan kemudahan pengangkutan yang mencukupi untuk ke tanah Arab.

#### **2.4.2.2 Perjalanan Haji Abad ke-18 Sehingga Abad ke-19**

Sehingga pertengahan abad XIX tidak terjadi peningkatan yang bererti dari jumlah penduduk di Nusantara yang menunaikan ibadat haji. Antara faktornya adalah terhentinya pelayaran Armada perdagangan dari Nusantara yang juga digunakan sebagai alat pengangkutan jemaah haji pada jalur Samudera Hindia ke Laut Merah. Pada ketika itu, Belanda telah menguasai perdagangan dan pelayaran di Nusantara. Berkaitan dengan itu, terjadi kemunduran pada pusat-pusat pemerintahan, perdagangan dan pembelajaran Islam

---

<sup>89</sup> *Ibid.*

yang berkembang pada abad XVI-XVII. Sehingga dengan kuartal terakhir abad XVII, beberapa pusat pemerintahan negara kesultanan menjadi pelabuhan keberangkatan jemaah haji Nusantara.<sup>90</sup>

Meskipun keadaan pelayaran perdagangan ke Timur Tengah dan suasana politik tidak kondusif untuk perjalanan haji, sepanjang abad XVIII masih ada juga penduduk Nusantara secara *sporadis* mengunjungi Haramain. Bagi sebahagian orang, kunjungan itu adalah untuk menuntut ilmu, sebahagiannya pada masa permulaan haji, dan bagi sebahagian yang lain untuk menunaikan ibadat haji. Kelompok terakhir ini, setelah selesai melaksanakan ibadat haji, biasanya segera kembali ke Nusantara. Antara jemaah haji Nusantara yang berniat memperdalam ilmu pengetahuan di kedua Kota Suci Islam itu adalah Syeikh Abdussamad bin Abdullah al-Jawi al-Palembani (1116-1203H./1704-1789M.),<sup>91</sup> Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (1122-1227H./1710-1812M.), (54), Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari (1148H./1735M.).<sup>92</sup> Antara ulama lain yang pernah belajar di Haramain pada abad XVIII iaitu Shihabuddin bin Abdullah Muhammad, Kemas Muhammad bin Ahmad, Kemas Fakhruddin, Muhammad Muhyiddin bin Shihabuddin (Palembang), Abdul Wahhab al-Bugisi (Sulawesi) dan Abdurrahman al-Batawi (Betawi).<sup>93</sup>

Berbeza halnya dengan masa permulaan haji. Pada abad XVIII telah terbentuk masyarakat Nusantara yang menetap (*mukīmīn*) di Makkah. Kegiatan utama kelompok ini adalah belajar dan yang terbaik di antara mereka mendapat kesempatan untuk mengajar di Kota Suci Islam ini. Semenjak saat itu telah terdapat orang Nusantara yang pergi ke

---

<sup>90</sup> M. Shaleh Putuhena, *Historiografi Haji Indonesia*, 120.

<sup>91</sup> Informasi lebih lanjut mengenai Abdussamad al-Palimbani dapat dirujuk dalam Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah*, 243-251.

<sup>92</sup> *Ibid.*, 255-257.

<sup>93</sup> *Ibid.*, 243.

Makkah dengan maksud utama untuk menunaikan ibadah haji. Kebiasannya mereka melakukan pelayaran secara bersama-sama baik pergi mahupun pulang,. Dalam hubungan ini telah dilaporkan bahawa 10 orang jemaah haji dari pelbagai etnik telah kembali ke Nusantara dan telah tiba di Batavia pada 21 April 1716M./28 Rabiul Akhir 1128M.<sup>94</sup> Namun, apabila mereka berangkat ke Makkah, hal itu tidak diketahui secara pasti.

Pada abad XIX telah terjadi perkembangan mendasar dalam perjalanan haji Indonesia. Bermula pada 1825M., ketika 200 orang peribumi yang berasal dari Residen Batavia dan residen lainnya menghadap polis untuk meminta pas jalan dan sekali gus melaporkan perjalanan ibadah haji ke Makkah bersama Kapal Magbar milik Syeikh Umar Bugis. Berdasarkan permohonan tersebut pemerintah Hindia Belanda mengeluarkan Resolusi Gabenor Jenderal pada 18 Oktober 1825, no. 9 yang isinya:

Pertama: Residen Batavia, dengan disposisi pada suratnya tanggal 11 ini, no. 298, untuk pengesahan kepada mereka yang telah menghadap polis untuk memperoleh pasport ke Makkah dengan Kapal Maghbar, telah diizinkan untuk berangkat ke sana.

Kedua: Bahawa kepada peribumi yang akan berangkat ke negeri Arab tanpa pas akan diberikan dengan membayar f110 setiap pas, wang mana kelak menjadi penghasilan bagi masjid raya pada residensi masing-masing; para residen wajib membuat catatan penerimaan wang itu secara *periodic* melalui mereka yang di berikan pas.

Ketiga: Sekretaris Jenderal ditugaskan untuk membuat surat kepada residen di Jawa untuk memberitahukan keinginan pemerintah tertinggi agar peribumi memperoleh pas ke Makkah, sedikit mungkin digalakkan dan bahawa para residen kerana suatu maksud yang bijaksana agar menggunakan pengaruh mereka terhadap penduduk Jawa sehingga keluhan dari mereka yang berpergian tersebut dapat diatasi.<sup>95</sup>

---

<sup>94</sup> M. Shaleh Putuhena, *Historiografi Haji Indonesia*, 125-126.

<sup>95</sup> Lihat: "Resolutie van Gouverneur van Nederlandsch-Indie van 18 October 1825, no. 9," dalam *Historiografi Haji Indonesia*, ed. Putuhena, M. Shaleh (cet. ke-1, Yogyakarta: LKiS, 2007), 126.

Peristiwa tersebut menunjukkan bahawa perjalanan haji mengalami perkembangan. Perjalanan haji semenjak 1825M. itu telah dikelolai oleh Syeikh sebagai pengurus; jemaah haji dibawa dengan kapal khusus; jemaah haji mesti menggunakan pas jalan dan melaporkan perjalanannya kepada residen setempat. Mulai saat itu, Syeikh Haji dari Makkah mula mengadakan kempen haji di Nusantara.

Sesudah pertengahan abad XIX, jumlah jemaah haji dari Nusantara berkembang dengan pesat. Jika pada 1852M., seramai 413 orang dicatatkan telah menunaikan ibadat haji ke Makkah. Enam tahun kemudian, pada 1858M., tidak kurang daripada 3862 orang Nusantara yang menunaikan rukun Islam yang kelima.<sup>96</sup> Dalam waktu lima tahun (1853-1858M.), mencatatkan seramai 12,985 orang yang mengambil surat jalan (*reispass*) ke Makkah.<sup>97</sup> Ini bererti rata-rata setiap tahun telah berangkat sejumlah 2597 orang Nusantara ke Haramain. Suatu lonjakan yang sangat luar biasa dibandingkan pada 1852M. Pada saat itu, catatan mengenai jumlah jemaah haji setiap tahunnya belum dibuat secara teratur. Bermula pada 1861 M baharulah dicatatkan pada setiap tahun, jumlah orang Nusantara yang melaksanakan ibadat haji.<sup>98</sup> Semenjak pertengahan kedua abad XIX sehingga akhir abad itu, jumlah orang Nusantara yang melaksanakan haji makin bertambah. Jumlah jemaah haji terbanyak adalah pada tahun 1313H./1896M., iaitu 11,909 orang dan yang paling sedikit adalah pada 1282H./1865M., iaitu seramai 1,901 orang.

Meskipun tidak diketahui secara pasti mengenai bila kaum perempuan dan anak-anak telah turut serta dalam rombongan haji. Sekurang-kurangnya pada pertengahan abad

---

<sup>96</sup> M. Shaleh Putuhena, *Historiografi Haji Indonesia*, 127.

<sup>97</sup> *Ibid.*

<sup>98</sup> Catatan tersebut, antara lain, terdapat pada Kolonial Verslag, Consulaire Verslagen en Berichten dan Pelgrimsverslagen. Oleh kerana sumber dan pengelompokan asal jemaah haji maka angka jumlah jemaah haji selalu berbeza antara satu dokumen dengan dokumen yang lain. Angka-angka itu juga menunjukkan jumlah jemaah haji yang berangkat tanpa diketahui oleh pemerintah Hindia Belanda.

XIX, kaum perempuan telah ikut serta melaksanakan rukun Islam yang kelima tersebut. Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi pada 1854M. berlayar ke Jeddah bersama 150 orang jemaah haji Benggala yang terdiri daripada lelaki dan perempuan serta anak-anak.<sup>99</sup> Catatan mengenai jemaah haji perempuan dari Nusantara mula dibuat pada dekad terakhir abad XIX. Meskipun demikian, besar kemungkinan sebelum itu kaum perempuan juga telah ikut serta menunaikan ibadat haji ke Makkah.

Jika dibandingkan dengan jemaah haji yang datang dari negara lain, dalam abad XIX (1880M./1297H. – 1900M./1317H.), Nusantara menyumbangkan sekitar 10 %, malah pada tahun tertentu lebih dari 20 % jemaah haji.<sup>100</sup> Apabila diteliti angka-angka jumlah jemaah haji Nusantara dan jemaah haji dari negara lain, menggambarkan bahawa perubahan peratusan itu disebabkan oleh ketidakseimbangan kenaikan atau kekurangan jemaah haji dari kedua belah pihak, atau satu pihak mengalami kenaikan sedangkan pihak lainnya mengalami kekurangan.

Ada beberapa faktor yang mempengaruhi perkembangan jumlah jemaah haji pada abad XIX, iaitu:<sup>101</sup>

Pertama, semakin banyak masyarakat muslim, terutama penduduk yang bermukim di kota dan pusat-pusat pendidikan Islam, seperti pesantren, memahami kedudukan ibadat haji dalam agama Islam sehingga mereka merasa berkewajipan untuk melaksanakannya jika telah mampu. Ini bermakna pendidikan Islam di Nusantara pada abad XIX telah mengalami perkembangan. Pada abad XIX, lembaga-lembaga pendidikan Islam itu telah berkembang dan tersebar sehingga ke daerah perkampungan. Perkembangan ini tidak dapat

---

<sup>99</sup> Abdullah, *Kisah Pelayaran Abdullah* (Kuala Lumpur: Exford University Press, 1960), 133.

<sup>100</sup> Jacob Vrendenbregt, "The Haddj," dalam *Anthropologica III*. (S. Gravenhage: Martinus Nijhoff, 1962), 148-149.

<sup>101</sup> M. Shaleh Putuhena, *Historiografi Haji Indonesia*, 129-131.

dilakukan dari peranan haji. Setelah pulang dari Makkah, sebahagian mereka telah membuka tempat-tempat untuk mengajar agama. Karel Steenbrink mencatat lima jenis guru yang mengajarkan agama pada abad XIX iaitu guru mengaji al-Quran, guru kitab, guru tarikat, guru ilmu ghaib dan guru yang tidak menetap pada suatu tempat.<sup>102</sup> Sebahagian dari guru-guru itu adalah orang yang sudah menunaikan haji.<sup>103</sup>

Kedua, meningkatnya keinginan untuk menuntut ilmu di Haramain sehingga sebahagian jemaah masih tetap bermukim beberapa tahun lagi di Makkah setelah menunaikan ibadat haji untuk menuntut ilmu. Kenyataan ini dibuktikan oleh laporan statistik setiap tahun yang menunjukkan bahawa jumlah jemaah haji yang kembali ke tanah air lebih sedikit dari yang berangkat ke Makkah.<sup>104</sup>

Ketiga, semakin mudah dan teratur perjalanannya haji pada abad XIX. Kemudahan itu dilihat menerusi kelancaran hubungan pelayaran ke Timur Tengah. Terutama dengan tersedianya kapal khusus untuk pengangkutan jemaah haji. Kapal api juga telah digunakan sebagai pengganti kapal layar yang telah digunakan sebelumnya. Pelayaran ke Laut Merah menjadi semakin ramai setelah terbukanya Terusan Suez pada 1287H./1870M. Bagi pengurusan dokumen perjalanan haji, pemerintahan Hindia Belanda menubuhkan konsultanan di Jeddah pada 1289H./1872M. Sementara bagi pengurusan perjalanan haji ke Makkah, Madinah, dan Jeddah, pelaksanaan ibadat haji, ziarah di Haramain, serta akomodasi selama di Hijaz diatur oleh organisasi Syekh.<sup>105</sup>

---

<sup>102</sup> Karel A. Steenbrink, *Beberapa Aspek Tentang Islam di Indonesia Abad ke-19* (Jakarta: Bulan Bintang, 1984), 152-154.

<sup>103</sup> *Ibid.*, 240.

<sup>104</sup> Jumlah jemaah haji yang tiba di Hijaz dan yang kembali ke tanah air setiap tahunnya dapat dilihat pada daftar statistik terlampir.

<sup>105</sup> M. Shaleh Putuhena, *Historiografi Haji Indonesia*, 130-131.

Keempat adalah faktor syeikh atau perwakilannya di Indonesia. Mereka telah mempropagandakan haji. Sebelum 1870M., mereka ikut serta memberangkatkan haji dengan kapalnya sendiri. Tradisi sosialisasi haji yang berlangsung sehingga zaman kemerdekaan itu diawalkan oleh Syeikh Umar Bugis pada 1825M.<sup>106</sup>

Kelima, para Bupati di Jawa diizinkan untuk mempropagandakan haji kerana pemerintah tidak keberatan jika seorang bupati menerima wang dari syarikat pelayaran Belanda sebesar 2 ½ golden untuk setiap jemaah haji. Kebijakan pada akhir abad XIX ini berbeza dengan penetapan pada permulaan abad, iaitu mempersulitkan perjalanan haji.<sup>107</sup> Pemikiran baharu ini tidak bererti adanya perubahan sikap dari pemerintah Hindia Belanda terhadap haji. Akan tetapi kerana kepentingan ekonomi perusahaan pelayaran Belanda.

#### **2.4.2.3 Jemaah Haji di Hijaz**

Ketika permulaan haji, segala keperluan di Hijaz diuruskan sendiri oleh jemaah haji. Sebelum Konsulat Belanda didirikan di Jeddah, jemaah haji diuruskan secara langsung oleh syeikh atau perwakilannya di kota pelabuhan tersebut. Organisasi syeikh ini mungkin telah ada semenjak permulaan abad XVIII. Ketika itu, seorang atau serombongan jemaah haji mesti mempunyai syeikh. Penetapan seorang syeikh di Makkah itu biasanya ditentukan oleh keluarga atau sahabat syeikh yang ada di Nusantara. Setelah konsulat didirikan, jemaah haji Nusantara dikehendaki melapor diri dan menunjukkan beberapa dokumen perjalanan, seperti pas-jalan dan kemudian tiket pulang pergi kepada petugas konsulat.

Sebelum berurusan dengan konsulat, setibanya di Jeddah, jemaah haji ditempatkan di daerah Karantina oleh syeikh. Para syeikh yang berasal dari Nusantara itu mengurus

---

<sup>106</sup> *Ibid.*, 131.

<sup>107</sup> Karel A. Steenbrink, *Beberapa Aspek Tentang Islam di Indonesia Abad ke-19*, 240-241.

jemaah yang berasal dari daerahnya masing-masing. Misalnya Syeikh Muhammad Nur Batawi mengurus orang Betawi, Syeikh Abdul Latif Pontianak mengurus orang Pontianak dan Syeikh Abdul Halim Banjar mengurus orang Banjar.<sup>108</sup> Di Jeddah, para syeikh itu mengurus kepentingan jemaah hajinya, seperti pembayaran karantina, urusan untuk tempat menginap, melaporkan kedatangan jemaah haji sehari setelah tiba di Jeddah ke konsulat dan keberangkatan ke Makkah setelah beberapa hari beristirahat di Jeddah.<sup>109</sup>

Terdapat dua masalah utama yang dihadapi oleh jemaah haji Nusantara, yaitu masalah berkaitan manāsik haji dan ziarah serta masalah yang berhubungan dengan tempat tinggal di Makkah. Sebagaimana yang ditentukan dalam fiqh, seluruh jemaah haji melaksanakan umrah terlebih dahulu di bawah bimbingan *muṭawwif*,<sup>110</sup> sambil menunggu pelaksanaan haji, para tamu Allah itu melakukan ziarah ke tempat yang bersejarah. Selama di Makkah, jemaah haji ditempatkan di rumah syeikh, di bilik kosong pada kedai mereka, atau di rumah teman syeikh itu sendiri.<sup>111</sup> Pada waktu pelaksanaan haji, pengangkutan jemaah ke Mina dan Arafah dilakukan dengan kafilah unta yang sudah disediakan oleh syeikh. Demikian pula dengan khemah dan penyediaan makanan selama di Mina dan Arafah, semuanya disiapkan oleh syeikh yang tentunya dengan pembayaran tambahan.<sup>112</sup>

Ketika menanti perlaksanaan ibadat haji atau keberangkatan kembali ke tanah air, sebahagian jemaah haji memperdalam pengetahuan agama Islam. Sebelum berangkat wuquf di Arafah, jemaah haji menetapkan manāsik haji dengan belajar bersama Syeikhnya

---

<sup>108</sup> M. Shaleh Putuhena, *Historiografi Haji Indonesia*, 141.

<sup>109</sup> *Ibid.*

<sup>110</sup> Orang yang menuntun jemaah haji ketika melakukan tawaf mengelilingi Kaabah khususnya dan untuk pelaksanaan manasik lainnya serta ziarah secara umum.

<sup>111</sup> Snouck Hurgronje, *Mekka in the Latter Part of the 19<sup>th</sup> Century* (Leiden: E.J.Brill., 1970), 228.

<sup>112</sup> *Ibid.*, 241.

atau orang lain yang ditunjuknya, kerana pada waktu itu banyak jemaah haji Nusantara yang belum memiliki pengetahuan mengenai pelaksanaan ibadat haji.<sup>113</sup> Selain itu, ketika mereka berada di Makkah sekitar lima bulan, jemaah haji mengisi sebahagian waktunya untuk belajar melancarkan bacaan ayat-ayat al-Quran dan sebahagian lagi mempelajari ilmu tarikat, zikir, wirid dan bacaan umum lainnya, serta secara khusus mereka belajar dan bertanya kepada guru tarikat tertentu.<sup>114</sup>

Sepertimana halnya sekarang, jemaah haji melaksanakan kunjungan ke Madinah dalam dua tahap. Akan tetapi pada waktu itu, semua jemaah haji berangkat dari Makkah setelah melaksanakan umrah. Tahap pertama, bagi jemaah haji yang tiba lebih awal di Makkah, mereka menziarah sebelum pelaksanaan ibadat haji. Sedangkan sebahagian bagi yang datang kemudian, mereka menziarah sesudah pelaksanaan ibadat haji.<sup>115</sup> Untuk keperluan kunjungan ke Madinah, keperluan perjalanan jemaah, seperti kenderaan dan tempat tinggal disiapkan oleh syeikh yang bersangkutan. Kegiatan utama di Madinah adalah menziarahi makam Rasulullah. Sehingga tahun 1950M., jemaah haji Nusantara belum menganggap kunjungan ke Madinah itu untuk melaksanakan solat *arba'īn* (solat 40 waktu) di Masjid Nabawi, sebagaimana difahami jemaah haji Nusantara sekarang ini. Oleh kerana itu, mereka berada di kota nabi hanya selama 3 hari. Setelah selesai ziarah ke makam nabi, jemaah haji kembali ke Makkah untuk menunggu waktu bertolak kembali ke tanah air.

Sebahagian jemaah haji tidak mempunyai kewangan yang kukuh untuk melakukan perjalanan ibadat haji. Malah ada yang kehabisan biaya untuk kembali ke tanah air. Jika

---

<sup>113</sup> *Ibid.*, 239.

<sup>114</sup> *Ibid.*, 240.

<sup>115</sup> Sesuai surat Konsul kepada MBZ, no. 186, tgl. 27 April 1892, dalam Doos 148 dalam: M. Shaleh Putuhena, *Historiografi Haji Indonesia*, 143.

terjadi hal yang demikian maka mereka terpaksa meminjam wang kepada perwakilan syarikat FA Assagaf di Jeddah. Mereka membuat kontrak dengan Syed Umar Assagaf, pemilik perusahaan yang berkedudukan di Singapura. Sekembali dari Jeddah mereka tidak langsung pulang ke tanah air, tetapi tinggal terlebih dahulu di Singapura dan bekerja di kebunkelapa sawit milik Syed Umar Assagaf di pulau Cocob dan Johor dengan upah 4 dolar per bulan. Daripada upah tersebut kemudian di potong 2 dolar per bulan sehingga lunas semua hutang dan bunganya.<sup>116</sup> Sebahagian jemaah haji lain yang tidak berkemampuan dikembalikan dengan kewangan pemerintah Hindia Belanda sebagai haji miskin.

#### **2.4.3 Penyelenggaraan Haji di Indonesia Semenjak Sebelum – Sesudah Kemerdekaan**

Sejarah penyelenggaraan haji di Indonesia mengalami masa yang panjang. Bermula semenjak agama Islam ke Indonesia, masa penjajahan, masa orde lama, masa orde baharu sehingga sekarang. Penyelenggaraan haji Dari masa ke semasa telah banyak mengalami kemajuan yang berpunca daripada persoalan utama, iaitu peraturan yang berkait dengan hubungan dua hala antara dua negara yang memiliki perbezaan sosial-budaya, bentuk pemerintah dan status kenegaraan, Indonesia yang menganut sistem Republik dan Saudi Arabia yang berbentuk Kerajaan. Permasalahan utama ketika penjajahan keamanan dan terbatasnya fasiliti. Ketika mana dunia telah aman dan fasiliti semakin canggih, jumlah jemaah haji yang besar berkait erat dengan keterbatasan kuota dan kemampuan persediaan menjadi persoalan utama.

---

<sup>116</sup> M. Shaleh Putuhena, *Historiografi Haji Indonesia*, 147.

Perbezaan lainnya adalah, kalau di zaman penjajahan mengandung nuansa politik yang sangat kental. Iaitu di satu sisi bertujuan mengambil hati kaum muslimin Indonesia. Manakala di sisi lain bertujuan mengawasi dan mengendalikan para *hujjaj* agar tidak merugikan kepentingan Kolonial. Justeru, pemerintah Belanda menetapkan ketentuan-ketentuan yang memberatkan kepada para jemaah dan membuka pejabat Konsulat di Jeddah pada tahun 1872M. Sedangkan pada zaman kemerdekaan penyelenggaraan haji diatur untuk memberi kemudahan dan perlindungan kepada jemaah haji. Namun begitu dari waktu ke waktu penyelenggaraan haji tersebut sentiasa menimbulkan persoalan. Persoalan itu pada umumnya disebabkan oleh tindakan pihak-pihak yang ingin mengambil keuntungan peribadi atau kelompok, baik melalui penipuan, pemerasan, penyimpangan dari ketentuan yang berlaku atau cara-cara lain yang merugikan jemaah.

#### A. Penyelenggaraan haji setelah kemerdekaan

Pada tahun 1945, Syekh Hasyim Asy'ari dari Masyumi, mengeluarkan fatwa kepada seluruh umat Islam Indonesia bahawa, “haram bagi umat Islam meninggalkan tanah airnya dalam keadaan melakukan perang melawan agama; tidak wajib pergi haji, dimana berlaku fardhu ‘ain bagi umat Islam melakukan tugas melawan penjajah bangsa dan agama”. Pada tahun 1948, pemerintah Indonesia mengirimkan misi haji, yang terdiri daripada K.R.H. Moh. Adnan, H. Ismail, Banda, H. SalehSuady dan H. Samsir Sutan Ameh ke Makkah menghadap Raja Arab Saudi. Misi tersebut mendapat sambutan hangat dari Baginda Raja Ibnu Saud dan pada tahun itu juga bendera Merah Putih pertama kali dikibarkan di Arafah. Usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pemerintah tersebut semakin mendorong ke arah penyelenggaraan haji yang lebih baik. Sehingga calon jemaah haji yang berangkat pada tahun 1949 cukup ramai.

Pada awal kemerdekaan, penyelenggaraan ibadah haji dilakukan oleh Penyelenggara Haji Indonesia (PHI) yang berada di setiap Pemerintahan Daerah. Badan ini didirikan pada 21 Januari 1950. Dalam perkembangan selanjutnya, Badan Kongres Muslimin Indonesia (BKMI) menubuhkan sebuah yayasan yang secara khusus menangani ibadah haji, yaitu Panitia Perbaikan Perjalanan Haji Indonesia (PPHI) yang diketuai oleh K.H.M Sudjak. Kedudukan PPHI semakin kuat ketika Menteri Agama mengeluarkan Surat Kementerian Agama RIS No. 3170 Tahun 1950 dan Surat Edaran Menteri Agama RIS No. A. III/I/648 Tahun 1950 yang menunjukkan bahawa PPHI sebagai lembaga yang sah di samping pemerintah untuk mengurus dan menyelenggarakan ibadah haji di Indonesia. Dan pada tahun tersebut, pengurusan haji dilakukan oleh Panitia Haji secara langsung, dan bukan oleh Kementerian Agama<sup>117</sup>.

Pada tahun 1964, dikeluarkan Keputusan Presiden Nomor 122 tahun 1964 yang mengandungi perkara usaha mengatasi pengangkutan jemaah haji (laut) dari Indonesia. Maka pada 1 Disember 1964 tertubuhlah PT. Arafat yang bergerak dalam bidang pelayanan ibadah haji dengan kapal laut<sup>118</sup>.

Armada kapal laut yang digunakan untuk pengangkutan jemaah haji antaranya KM. Gunung Jati, KM. Tjut Nyak Dien, KM. Ambulombo, KM. Pasific Abeto, KM. Belle Abetto, KM. Le Havre Abeto dan KM. La Grande Abeto. Kapal laut untuk pengangkutan jemaah haji ini termasuk kapal laut yang memiliki keunggulan teknologi pada saat itu dan dapat berlayar untuk jangka waktu satu bulan. Dalam kapal ini seluruh calon jemaah haji

---

<sup>117</sup> Ahmad Nidjam & A. Latief Hanan, *Manajemen Haji* (Jakarta: Penerbit Mediacita, 2006), 37; Zakaria Anshar, *Profile Direktorat Jenderal Penyelenggaraan Haji dan Umrah* (Jakarta: Direktorat Penyelenggaraan Haji dan Umrah, 2008), 5.

<sup>118</sup> Zakaria Anshar, *Profile Direktorat Jenderal*, 5.

Indonesia melakukan kegiatan-kegiatan berkaitan masalah manasik haji dan pengkajian agama secara mendalam<sup>119</sup>.

Sejalan dengan penyempurnaan penyelenggaraan haji pada waktu lalu, didirikan PT Arafat, perusahaan pengangkutan jemaah haji dengan kapal laut. Namun dalam perjalanannya, telah ditemui adanya kelemahan, penyimpangan dan penipuan sehingga banyak jemaah haji yang dirugikan. Malah tidak dapat melaksanakan ibadat haji. Penyimpangan, penipuan dan kekecohan berlaku antara lain disebabkan oleh adanya sistem kuota, pemilihan dan undian. Selain itu, muncul pula persaingan yang tidak sehat antara penyelenggara haji swasta dan kesulitan teknikal pentadbiran.

#### B. Penyelenggaraan haji masa Orde Baharu

Tugas awal penguasa orde baharu sebagai pemimpin tertinggi negara pada tahun 1966 adalah mengemas kini dan menormalkan sistem kenegaraan yang rosak disebabkan oleh gerakan G 30 S PKI dan kekuasaan orde lama. Pengemaskinian sistem pemerintahan ini sangat berpengaruh terhadap pelaksanaan haji dengan dibentuknya Kementerian Agama, selanjutnya mengubah struktur dan tata kerja organisasi Menteri Usaha haji dan mengalihkan tugas pelaksanaan ibadat haji di bawah tanggungjawab Direktur Jenderal Urusan Haji. Termasuk besarnya biaya, sistem pengaturan dan bentuk organisasi yang kemudian ditetapkan dalam keputusan Dirjen Urusan Haji Nomor 105 tahun 1966.<sup>120</sup>

Pemerintah ikut bertanggungjawab secara penuh dalam pelaksanaan ibadat haji semenjak penentuan biaya sehingga pelaksanaan serta hubungan antara dua negara yang mula dilaksanakan pada tahun 1970. Dengan keputusan tersebut, maka rakyat merasa

---

<sup>119</sup> Ahmad Nidjam, *Manajemen Haji*, 42-43.

<sup>120</sup> *Ibid.*, 44-45; Lihat juga: <http://www.rasio.wordpress.com> diakses pada 17 Mac 2014.

diperhatikan langsung oleh pemerintah. Dalam rangka mengefisienkan pelaksanaan penyelenggaraan haji, maka pada tahun tersebut biaya perjalanan ibadat haji ditetapkan oleh Presiden berdasarkan kriteria penggunaan pengangkutan melalui Keputusan Presiden Nomor 11 tahun 1970.<sup>121</sup>

Pada tahun 1974, sebuah peristiwa besar menghentikan sanubari bangsa Indonesia dan mengejutkan dunia ketika pesawat udara Martin Air yang mengangkut jemaah haji mengalami kemalangan di Colombo. Kemalangan ini membabitkan 1,126 orang dan merupakan peristiwa besar yang tidak dapat dilupakan dalam sejarah perhajian Indonesia. Sementara kejadian yang berada di luar perhitungan pemerintah melibatkan sebanyak 79 orang jemaah.<sup>122</sup>

Pada tahun 1979, Menteri Kehakiman bersama Menteri Agama mengeluarkan Keputusan mengenai penyelenggaraan umrah. Peraturan ini merupakan permulaan dari peraturan penyelenggaraan ibadat haji. Pada saat itu banyak di antara para jemaah haji yang mencari jalan pintas akibat gagal melaksanakan ibadat haji, iaitu melaksanakan ibadat umrah lebih dahulu kemudian tinggal sementara untuk menunggu waktu haji tiba. Hal ini banyak menimbulkan persoalan bagi pemerintah Arab Saudi. Ramai jemaah haji yang kemudiannya tidak boleh kembali ke kampung halaman kerana kehabisan bekalan biaya<sup>123</sup>.

Dalam era 1980-an terjadi perkembangan menarik yang mana pemerintah mula memberi peluang swasta dalam penyelenggaraan urusan haji, khususnya untuk layanan eksklusif yang dikenali dengan nama program ONH Plus. Pihak swasta sendiri menyebut bahawa kegiatan itu merupakan sub-sistem atau sebahagian dari penyelenggaraan haji oleh

---

<sup>121</sup> Zakaria Anshar, *Profile Direktorat Jenderal*, 6.

<sup>122</sup> Ahmad Nidjam, *Manajemen Haji*, 47-48; Kementerian Agama RI, *Haji dari Masa ke Masa* (t.p., t.t.), 71-72.

<sup>123</sup> Ahmad Nidjam, *Ibid.*, 50-51.

pemerintah. Disebut sub-sistem kerana autoriti mengenai ketentuan mana-mana perusahaan, kuota dan harga paket ONH Plus masih diatur oleh pemerintah sehingga kini. Selain melibatkan perusahaan yang bergerak dalam bidang ONH Plus, pemerintah juga memberi kesempatan kepada pelbagai yayasan, majlis ta'lim, organisasi masyarakat untuk mengatur jemaah haji dalam lingkungannya. Kegiatan ini tidak lepas daripada kawalan pemerintah dan tetap bergabung dalam paket penyelenggaraan urusan haji yang dikelola oleh pemerintah<sup>124</sup>.

Bertambahnya jumlah jemaah haji menimbulkan suatu permasalahan kerana tempat atau wilayah peribadatan haji di Arab Saudi, iaitu Makkah, Mina, Arafah, Muzdalifah dan Madinah. Wilayah ini juga tidak mungkin akan mampu menampung jumlah jemaah haji yang terus bertambah dari negara-negara lain. Hal ini jelas akan membebakan jemaah masing-masing secara fizikal, seperti keletihan, kebisingan serta kesesakan. Malah kemungkinan besar dapat mengganggu kekhusyukan jemaah haji dalam melaksanakan ibadat haji<sup>125</sup>.

### C. Penyelenggaraan haji masa reformasi

Pada masa reformasi pada tahun 1999, bermulalah era baharu dalam penyelenggaraan haji di Indonesia dengan keluarnya UU No. 17 Tahun 1999 Tentang Penyelenggaraan Ibadat Haji. Dengan keluarkannya undang-undang ini diharapkan penyelenggaraan ibadat haji di Indonesia dapat dilakukan dengan lebih berkualiti. Pasal 5 UU No. 17 Tahun 1999 mengatur bahawa, "Penyelenggaraan ibadat haji bertujuan untuk memberikan pembinaan, pelayanan dan perlindungan yang sebaik-baiknya melalui sistem

---

<sup>124</sup> Lihat: <http://www.hamline.edu>.

<sup>125</sup> Ahmad Nidjam, *Manajemen Haji*, 59-60.

dan pengurusan penyelenggaraan yang baik agar pelaksanaan ibadat haji dapat berjalan dengan aman, tertib, lancar dan nyaman sesuai dengan tuntunan agama. Jemaah haji juga dapat melaksanakan ibadat secara mandiri sehingga memperoleh haji mabrur.”<sup>126</sup> Inilah yang ditunjukkan dalam undang-undang tersebut dalam hal penyelenggaraan ibadat haji, iaitu memberikan pembinaan, pelayanan dan perlindungan yang sebaik-baiknya melalui sistem dan pengurusan penyelenggaraan yang baik. Namun, apa yang disebutkan dalam undang-undang ternyata tidak berjalan sebagaimana yang dinyatakan. Dari tahun ke tahun tiada pembenahan yang memberangsangkan dalam penyelenggaraan ibadat haji. Hal tersebut lebih dikeruhkan lagi dengan kejadian pada musim haji tahun 2006M/1427H yang mana terjadi kelaparan pada jemaah haji reguler disebabkan keterlambatan yang terlalu lama dalam menyediakan dan membawa makanan oleh pihak-pihak yang menyediakan makanan bagi jemaah haji reguler.

Dengan pelbagai pertimbangan UU Nomor 17/1999 di revisi dengan UU Nomor 13/2008 yang menegaskan bahawa pemerintah dalam hal ini iaitu Kementerian Agama masih menjadi operator penyelenggaraan ibadat haji Indonesia. Hal itu termaktub dalam Pasal 6 ayat (1) yang berbunyi “Penyelenggaraan ibadat haji merupakan tugas nasional dan menjadi tanggungjawab pemerintah di bawah koordinasi Menteri.”<sup>127</sup>

Pengaturan penyelenggaraan ibadat haji pasca kemerdekaan mengalami perubahan dari waktu ke waktu sesuai dengan situasi dan tuntutan pada zamannya yang dapat disenaraikan seperti berikut:<sup>128</sup>

---

<sup>126</sup> Lihat: Departement Agama, *Undang-Undang Republik Indonesia No. 17 Tahun 1999 Tentang Penyelenggaraan Ibadat Haji*, Bab 2, Pasal 5.

<sup>127</sup> *Ibid.*, Bab 3, Pasal 6, Ayat 1.

<sup>128</sup> Ungkapan ini disampaikan oleh Duta Besar untuk Kerajaan Arab Saudi Muhammad M. Basyuni pada Lokakarya Penyelenggaraan Haji, di Jakarta, 20 Mei 2004. Lihat: Muhammad Maftuh Basyuni, “Pokok-pokok Perbaikan Pelaksanaan Haji Tahun 2005 dan

1949/1950: Keberangkatan haji pertama ke Arab Saudi.

1950-1962: Penyelenggaraan haji dilaksanakan secara bersama-sama oleh Pemerintah dan Yayasan Perjalanan Haji Indonesia (YPHI) yang didirikan pada 21 Januari 1950 dengan pengurusnya terdiri daripada para pemuka Islam pelbagai golongan.

1962-1964: Pemerintah membentuk dan menyerahkan penyelenggaraan haji Indonesia kepada Panitia Perbaikan Perjalanan Haji (P3H). Pada masa inilah bermula penyelenggaraan haji Indonesia dengan suatu panitia yang bersifat *inter-departmental* ditambah dengan wakil-wakil Badan/ Lembaga Non Departemen, yang kemudian ditingkatkan menjadi tugas nasional yang dimasukkan dalam tugas dan wewenang Menko Kompertimen Kesejahteraan. Oleh itu, urusan haji yang tadinya berbentuk Panitia Negara P3H berubah menjadi Dewan Urusan Haji (DUHA).

1965-1966: Dewan Urusan Haji menjadi Departemen Urusan Haji yang dipimpin oleh seorang Menteri dan dibantu oleh beberapa Deputy Menteri. Pada tahun 1966, Departemen ini digabungkan dengan KEMENAG menjadi Direktorat Jenderal urusan Haji KEMENAG dan semenjak tahun 1979 hingga sekarang menjadi Direktorat Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam dan Penyelenggaraan Haji.

---

Hubungan dengan Arab Saudi,” dalam *Mendialogkan Agenda Reformasi Penyelenggaraan Ibadat Haji*, ed. Departemen Agama RI (Direktorat Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam dan Penyelenggaraan Haji: t.p., t.t.), 45-46; Info Haji: [www.kbri-riyadh.org.sa/infoindex/haji.html](http://www.kbri-riyadh.org.sa/infoindex/haji.html).

- 1969: Pemerintah mengeluarkan Keputusan Presiden No. 22 Tahun 1969 dan instruksi Presiden No. 6 tahun 1969 yang mengatur penyelenggaraan haji hanya oleh Pemerintah yang dilaksanakan oleh Departemen-departemen dan lembaga-lembaga lain berkaitan di bawah koordinasi KEMENAG.
- 1978: Pengangkutan haji ke Arab Saudi ditetapkan hanya dengan pesawat udara.
- Pada tahun 1999: Lahir Undang-undang Republik Indonesia No. 17 tahun 1999 mengenai penyelenggaraan haji yang merupakan landasan hukum bagi penyelenggaraan haji Indonesia hingga kini.

Semenjak ditetapkan UU No. 17 tersebut, penyelenggaraan haji Indonesia adalah merujuk kepada ketentuan perundangan ini. Sedangkan pelaksanaan haji di Arab Saudi disesuaikan dengan ketentuan yang berlaku di negara tersebut sebagaimana dalam Taklimat Haji yang mengatur pelbagai aspek pelaksanaan haji.

## **2.5 KESIMPULAN**

Berdasarkan penjelasan di atas, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa, kerajaan Indonesia telah berusaha secara maksimum untuk membuat satu sistem atau formula yang digunakan bagi meningkatkan segala perkhidmatan kepada jemaah haji. Tambahan pula berusaha untuk merealisasikan segala aturan dan formula tersebut dalam kenyataan meskipun masih banyak kekurangan-kekurangan yang perlu diperbaiki. Hal itu terbukti dengan banyaknya peraturan dan undang-undang yang mengatur pelaksanaan ibadat haji, seperti Undang-Undang RI Nomor 17 Tahun 1999, Penyelenggaraan Ibadat Haji; Keputusan Menteri

Agama RI Nomor 371 Tahun 2002, Penyelenggaraan Ibadat Haji dan Umrah; Keputusan Direktur Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam dan Penyelenggaraan Haji Nomor D/ 377 Tahun 2002, Petunjuk Pelaksanaan Penyelenggaraan Ibadat Haji dan Umrah.

Menurut hemat pengkaji, banyaknya aturan serta undang-undang yang mengatur tata pelaksanaan ibadat haji dan umrah tidak cukup untuk dapat memberikan perkhidmatan yang komprehensif dan profesional melainkan jika disokong oleh jiwa dan kesedaran yang tinggi untuk menghargai suatu peraturan atau undang-undang tersebut. Oleh kerana itu, kesedaran dari jemaah sangat diperlukan dan kesungguhan para pembimbing dalam memberikan bimbingan sangat diharapkan yang tentunya semua itu bermuara dari sebuah keikhlasan dalam menuntut reda Allah SWT.

Yang terakhir menyentuh masalah sejarah pelaksanaan ibadat haji di Indonesia sememangnya sudah wujud sebelum Indonesia merdeka walaupun belum tersusun secara baik, iaitu bermula dari perdagangan yang berkembang hingga negeri Arab. Sudah ramai muslim Nusantara yang boleh melaksanakan haji. Walaupun proses yang dilalui sangat sulit dan mesti berhadapan dengan pelbagai halangan, umat Islam abad XVI tetap bertekad boleh melaksanakan haji melalui medium perdagangan.

Jika kita perhatikan dan bandingkan sistem pelaksanaan ibadat haji di Indonesia semenjak sebelum dan sesudah kemerdekaan sehingga kini telah mengalami pembaikan dari masa ke semasa. Meskipun sistem penyelenggaraan haji telah berkali-kali mengalami perubahan dan penyempurnaan, namun sehingga kini terus muncul ketidakpuasan. Formula yang tepat dan memenuhi asas utama penyelenggaraan haji yang baik, iaitu aman, nyaman dan sempurna secara syariah masih terus dalam pencarian.

